10 PEMASYHURAN KEMERDEKAAN	1	Memerihalkan pengetahuan tentang Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu.	91, 92				
	2	Menjelaskan pengetahuan tentang Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu berserta contoh.	93, 97, 99				
	3	Membina urutan peristiwa Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu.	94, 95, 96				
	4	Menganalisis maklumat tentang Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu.	97, 98, 100				
	5	Membuat penilaian tentang peristiwa Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu dalam membina jati diri.	92, 93				
	6	Menjana idea tentang semangat patriotisme dalam peristiwa Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu.	99				
Tahap Penguasaan Bab 10		TP 1 ☐	TP 2 ☐	TP 3 ☐	TP 4 ☐	TP 5 ☐	TP 6 ☐

BAB 1 ►► Warisan Negara Bangsa

»» Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

1. Raja

- (a) Kedudukan raja diperkukuh dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh pembesar.
- (b) Raja merupakan tonggak utama kerajaan dan ditaati oleh rakyat. Raja dianggap suci seperti Raja Champa yang dikaitkan dengan Dewa Siva.



2. Rakyat

- (a) Rakyat merupakan penduduk di dalam sesebuah wilayah yang memberi taat setia kepada raja.
- (b) Rakyat Srivijaya menjalani upacara persetiaan dan meminum air sumpah yang dituang ke atas inskripsi Telaga Batu sebagai bukti kesetiaan mereka kepada Raja Srivijaya.



3. Undang-undang

- (a) Undang-undang diperkenalkan bagi menjamin kesejahteraan sesebuah kerajaan dan terpakai di seluruh wilayah.
- (b) Majapahit menggunakan undang-undang *Kutara Manawa*.



4. Wilayah pengaruh

- (a) Wilayah pengaruh merupakan kawasan yang mana rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja.
- (b) Kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar dan Segenting Kra.



»» Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

1. Kerajaan

- (a) Pemerintahan beraja diperkukuh dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan.
- (b) Pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mula menggunakan gelaran sultan selepas kedatangan agama Islam.

2. Rakyat

- (a) Menumpahkan taat setia kepada Sultan dan mematuhi undang-undang.
- (b) Rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.

3. Kedaulatan

- (a) Lambang kekuasaan tertinggi dan hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah.
- (b) Kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka diiktiraf oleh kerajaan lain dan bebas campur tangan kuasa asing.

4. Wilayah pengaruh

- (a) Kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat.
- (b) Mempunyai wilayah pengaruh merangkumi Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.
- (c) Diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan.

5. Undang-undang

- (a) Menggunakan undang-undang bertulis, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
- (b) Mengukuhkan kerajaan, melindungi rakyat serta menjadikan Kesultanan Melayu Melaka kerajaan yang unggul.

6. Lambang kebesaran

- (a) Menjadi identiti, keistimewaan dan simbol kedaulatan sultan yang memerintah.
- (b) Contoh adat istiadat, penggunaan warna, nobat, regalia dan cap mohor.

» Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

1. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan.
2. Sultan Melaka memberi kuasa mentadbir wilayah, sungai dan pulau kepada Pembesar Berempat yang dikenali sebagai kawasan pegangan.
3. Sultan Melaka dibantu oleh Pembesar Berempat yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
4. **Peranan Pembesar Empat Lipatan:**
 - (a) **Bendahara**
 - (i) Ketua pentadbir, Ketua Turus Angkatan Tentera.
 - (ii) Menjadi Penasihat Sultan dan Pemangku Sultan.
 - (b) **Penghulu Bendahari**
 - (i) Menguruskan perbendaharaan dan sistem kewangan dengan teratur.
 - (ii) Sumber pendapatan diterima daripada perdagangan, cukai dan ufti dari wilayah naungan dan taklukan.
 - (c) **Temenggung** menjaga keselamatan Kota Melaka.
 - (d) **Laksamana** menjadi Panglima Angkatan Tentera Laut.
 - (e) **Syahbandar** mengutip cukai di pelabuhan.
5. Pembesar lain ialah Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, Hulubalang dan Penghulu.
6. Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada **pentadbiran pusat** dan **pentadbiran jajahan**.
7. Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
8. **Hukum Kanun Melaka** mengandungi 44 Fasal yang mernbincangkan antaranya termasuklah jenayah, bidang kuasa sultan dan pembesar, kekeluargaan dan hal berkaitan dengan ekonomi.
9. **Undang-undang Laut Melaka** diusahakan oleh Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak dan diperkenankan oleh Sultan Mahmud Shah mengandungi perkara berkaitan dengan peranan nakhoda, pelayaran, jenayah di atas kapal dan percukaian.

» Peranan Pemerintah dan Rakyat

1. Hubungan pemerintah dan rakyat secara timbal balas mengukuhkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
2. Hubungan tersebut selaras dengan konsep waadat, iaitu perjanjian antara pemerintah dan rakyat.
3. Masyarakat Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada:
 - (a) **Golongan pemerintah** – Sultan, pembesar, kerabat raja dan ulama.
 - (b) **Golongan diperintah** – Rakyat terdiri petani, nelayan, tukang dan peniaga. Hamba raja, hamba berhutang dan hamba biasa.

4. Peranan Sultan

- (a) Mewujudkan perpaduan rakyat.
- (b) Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat.
- (c) Memastikan kemakmuran dan kestabilan kerajaan.
- (d) Memperkenalkan sistem undang-undang bertujuan untuk mengawal rakyat.



5. Peranan pembesar

- (a) Mengutip hasil melalui sistem serah.
- (b) Membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah.
- (c) Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat.
- (d) Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan.



6. Peranan rakyat

- (a) Menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah.
- (b) Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong.
- (c) Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang.
- (d) Menyumbang tenaga melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan.
- (e) Mematuhi arahan pemerintah dan tidak menderhaka kerana bimbang ditimpa tulah.



BAB 2 >> Kebangkitan Nasionalisme

>> Maksud Nasionalisme

1. Perasaan cinta terhadap bangsa dan negara.
2. **Semangat kebangsaan** yang berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan dan pembelaan terhadap bangsa dan negara.
3. Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.
4. Melahirkan **perasaan kekitaan** dengan menggunakan persamaan kebudayaan dan pengalaman sejarah yang bertujuan membebaskan bangsa dan negara daripada penjajahan.
5. Gerakan ini menuju matlamat yang sama, iaitu membina bangsa yang **bersatu** dan negara **berdaulat**.

>> Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

• Revolusi Keagungan di England (1688)

1. Revolusi Keagungan (*Glorious Revolution*) di England berlaku disebabkan keinginan untuk menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat.
2. Revolusi berlaku kerana pemerintahan Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang.
3. Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak dengan sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange dari Belanda.
4. Menyedari sokongan yang berkurangan, Raja James II melarikan diri ke Perancis.
5. Peristiwa ini dikenali sebagai Revolusi Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa pertumpahan darah.
6. Semasa pemerintahan Mary II dan William of Orange, konsep kedaulatan parlimen dan sistem raja berperlembagaan dimantapkan.
7. *Bill of Rights* digubal untuk memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai.

• Revolusi Amerika (1776)

1. Revolusi Amerika merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British.

2. Penentangan tersebut berlaku kerana British tidak melindungi hak rakyat Amerika yang merupakan sebahagian daripada empayar British.
3. Penduduk Amerika telah menentang akta yang diperkenalkan untuk memungut cukai di jajahan tersebut seperti Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh.
4. Pemimpin di tanah jajahan menubuhkan kongres yang diketuai oleh George Washington dan mengisytiharkan perang terhadap British untuk memperjuangkan kemerdekaan Amerika.
5. Kongres meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika yang ditulis oleh Thomas Jefferson pada bulan Julai 1776.
6. Revolusi Amerika berakhir pada tahun 1783 apabila British mengakui kemerdekaan Amerika.
7. 13 buah bekas tanah jajahan tersebut digabungkan dan diberi nama sebagai Amerika Syarikat yang memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi.

• Revolusi Perancis (1789)

1. Revolusi Perancis memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis seperti Jean Jacques Rousseau (Rousseau) dan Voltaire.
2. Sasaran golongan revolusi adalah terhadap pemerintahan autokratik Raja Louis XVI (1774 – 1792) dan golongan bangsawan.
3. Golongan tersebut telah memonopoli pelbagai keistimewaan, sebaliknya rakyat terbeban dengan pelbagai cukai.
4. Golongan revolusi menggempur penjara Bastille, membebaskan tahanan politik dan menggulingkan Raja Louis XVI.
5. Revolusi Perancis membawa kemunculan Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis.

>> Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita

1. Berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan berkembang semasa menghadapi ancaman Siam dan British yang dilakukan oleh pejuang tempatan.



2. Pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, perjuangan menentang penjajah dilakukan oleh Penghulu Dol Said, Dato' Maharaja Lela, Pandak Lam, Dato' Bahaman, Rentap, Mat Salleh, Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limbong.
3. Kesedaran nasionalisme sejak awal abad ke-20 melalui gerakan Islah dipelopori oleh tokoh agama seperti Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Mohd Taha dan Syed Sheikh al-Hadi.
4. Terdapat pertubuhan sosioekonomi yang dipimpin oleh golongan berpendidikan Inggeris dan Melayu seperti Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan Burhanuddin al-Helmi.
5. Perjuangan mengkritik penjajah dan menyedarkan masyarakat tetap diteruskan walaupun menghadapi kekangan kewangan, halangan undang-undang dan pengawasan ketat daripada pemerintah.

» Perkembangan Nasionalisme

1. Perjuangan golongan intelektual

(a) Intelektual berpendidikan agama

- (i) Kaum Muda menyalurkan idea melalui gerakan Islah yang menjadikan agama Islam sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat.
- (ii) Penubuhan madrasah seperti Madrasah al-Attas (Johor), Madrasah al-Khairiah al-Islamiyah (Kedah) dan Maahad al-Ehya Assharif (Perak) untuk menyebarkan fahaman Islah.
- (iii) Golongan wanita diberi peluang belajar di madrasah dan pelajarnya membawa kemajuan dari aspek sikap serta pentaksiran terhadap Islam.
- (iv) Idea mereka disalurkan dalam akhbar seperti *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, *Neracha* dan *Tunas Melayu*.

(b) Intelektual berpendidikan Inggeris

- (i) Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ditubuhkan pada tahun 1905 melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris.
- (ii) MCKK melatih anak bangsawan bagi diserapkan dalam pentadbiran kerajaan British.
- (iii) Mereka menjadi pegawai kerajaan menuntut British memperbaiki taraf hidup orang Melayu dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan.
- (iv) Idea dan tuntutan dibuat dengan cara berbaik-baik dengan British dan menggunakan akhbar seperti *Warta Malaya*, *Lembaga Malaya* dan *Utusan Melayu*.

(c) Intelektual berpendidikan Melayu

- (i) Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) ditubuhkan pada tahun 1922.

- (ii) Guru SITC seperti O.T. Dussek, Abdul Hadi Hassan, Abdul Hadi Abdul Manan dan Harun Aminurrashid telah meniupkan kesedaran nasionalisme melahirkan golongan penulis dan nasionalis.
- (iii) Pejabat Karang Mengarang dengan Ketua Penterjemah, Za'ba berjaya menghasilkan buku berkualiti dan melahirkan nasionalis seperti Buyong Adil dan Abdul Hadi Hassan.
- (iv) Bahan bacaan dari Timur Tengah dan Indonesia, kurikulum yang mengutamakan Sejarah dan keagungan empayar Melayu membangkitkan kesedaran kepada pelajar SITC.
- (v) Pada tahun 1929, lahir Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo yang akhirnya membentuk persatuan radikal, iaitu Kesatuan Melayu Muda.

» Kesan Perkembangan Nasionalisme

1. Politik

- (a) Golongan berpendidikan Inggeris dan KMS berjaya menuntut British agar meningkatkan bilangan orang Melayu dalam Malayan Civil Service (MCS).
- (b) Bilangan orang Melayu bertambah daripada 7 orang (1930) kepada 20 orang (1937).
- (c) Pengenalan Dasar Desentralisasi oleh British mengembalikan semula kuasa sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri.
- (d) Sekitar tahun 1921, kesan nasionalisme di China telah mempengaruhi penubuhan sekolah Cina dan bahasa Mandarin dijadikan bahasa pengantar.
- (e) Kemunculan masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu dikenali sebagai *The Strait Born People*.
- (f) British menyekat gerakan nasionalisme dengan menangkap tokoh nasionalis seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad dan Ibrahim Haji Yaakob.

2. Ekonomi

- (a) Penubuhan persatuan al-Jamiah al-Khairiah di Singapura membangkitkan semangat berniaga dalam kalangan orang Melayu.
- (b) Za'ba menyedarkan guru pelatih di SITC kepentingan pendidikan tinggi dan kurikulum bahasa Inggeris.
- (c) *The Malay Mail* dan *The Malaya Tribune* membuat dana bagi membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran di luar negara.
- (d) Terdapat orang Melayu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti Tunku Abdul Rahman, Tunku Yaacob dan Mohd Zain Ariffin.

BAB 3 Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita

» Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia

1. British menghalang gerakan Islam dari Timur Tengah:
 - (a) Memperkenalkan Enakmen Undang-undang Islam 1904.
 - (b) Menubuhkan Jabatan Siasatan Jenayah (*Criminal Intelligence Department*) dan Biro Siasatan Politik (*Political Intelligence Bureau*).
2. British berwaspada terhadap gerakan Pan-Islamisme dan sokongan orang Melayu kepada empayar Uthmaniyah.
 - (a) Penentangan Tok Janggut merupakan kesedaran politik antarabangsa yang menggerakkan penentangan tempatan terhadap penjajah Barat serta dipengaruhi oleh penglibatan empayar Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama.
 - (b) Pemimpin negeri Melayu menyokong khalifah empayar Uthmaniyah yang dianggap pelindung umat Islam serta penaung bagi tanah suci Makkah dan Madinah.
3. Orang Melayu menggunakan akhbar dan majalah untuk meniupkan kesedaran kebangsaan. Namun, kesedaran politik tidak boleh dilakukan terang-terangan kerana sekatan undang-undang British seperti *Publishing and Book Enactment 1915* dan *The Seditious Publication (Prohibition) Enactment 1919*.

» Latar Belakang Perang Dunia

1. **Faktor Perang Dunia Pertama**
 - (a) Persaingan kuasa imperialis kesan perkembangan Revolusi Industri.
 - (b) Pembentukan pakatan ketenteraan, iaitu Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
 - (c) Krisis rantau Balkan yang membawa kepada pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya, Sophie oleh seorang pemuda Serbia.
2. Persidangan Damai Paris pada 18 Januari 1919 membincangkan syarat perdamaian selepas perang agar Jerman tidak lagi menjadi ancaman kepada keamanan di Eropah. Persidangan melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson sebagai asas perdamaian.

3. Perjanjian Versailles (28 Jun 1919) menuntut Jerman bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang. Jerman diarah membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga, mengehadkan saiz angkatan tentera dan menyerahkan wilayah dan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga.
4. Liga Bangsa-Bangsa ditubuhkan untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa.
5. **Kesan Perang Dunia Pertama**
 - (a) Keruntuhan pemerintahan beraja di Eropah.
 - (b) Kemunculan negara baharu kesan keruntuhan empayar Austria-Hungary, perpecahan empayar Rusia dan empayar Uthmaniyah.
 - (c) Kesan terhadap negara kita ialah Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang yang menyokong dan memberikan taat setia kepada kerajaan British.
6. **Faktor Perang Dunia Kedua**
 - (a) Kemunculan ideologi baharu di Itali dan Jerman.
 - (b) Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles.
 - (c) Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata.

» Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941 – 1945)

1. Dikenali sebagai Perang Pasifik yang berlaku di Lautan Pasifik, Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara.
2. Berpunca daripada kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera yang melaksanakan imperialisme di rantau Asia Pasifik.
3. Peluasan kuasa Jepun disebabkan untuk memenuhi keperluan perindustrian, pengaruh golongan tentera dan mewujudkan orde baharu Asia.

» Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

1. **Eksplotasi sumber bahan mentah**
 - (a) Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah untuk memenuhi keperluan perindustrian dan operasi ketenteraan Jepun.
 - (b) Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah dunia, selain menghasilkan emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.



- (c) Sasaran utama Jepun di Sarawak ialah sumber minyak terutama di Miri dan Lutong.
- (d) Pendudukan Jepun merupakan rancangan Jepun menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya demi mengukuhkan ekonomi Jepun.

2. Kepentingan strategik ketenteraan

- (a) Kedudukan negara kita sesuai untuk kepentingan strategik ketenteraan Jepun.
- (b) Di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British, iaitu Singapura.
- (c) Penguasaan terhadap Singapura penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera.
- (d) Penguasaan terhadap Pulau Borneo penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.

»» Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita

1. Dasar pentadbiran

- (a) Memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu.
- (b) Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam dan adat Melayu.
- (c) Memberi peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yang berpendidikan dan berpengalaman ke jawatan yang lebih tinggi.

2. Dasar ekonomi

- (a) Melaksanakan sistem ekonomi kawalan.
- (b) Mata wang Jepun (wang pokok pisang) dicetak tanpa kawalan.
- (c) Jepun memperkenalkan Rancangan Pengeluaran Lima Tahun, Jawatankuasa Penyelidikan Bahan dan Rancangan Perindustrian Lima Tahun.

3. Dasar sosial

- (a) Memberikan layanan berbeza-beza mengikut kaum berdasarkan kepentingan tentera Jepun.
- (b) Memperkenalkan Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting untuk mengawal bekalan barangan.
- (c) Menutup semua sekolah Inggeris dan sekolah Cina dan memperkenalkan sistem persekolahan Jepun

»» Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun

1. Perkembangan semangat anti-penjajah

- (a) Pendudukan Jepun berlaku ketika kesedaran nasionalisme di negara kita mula berkembang sebelum Perang Dunia Kedua.

- (b) Slogan “Asia untuk Orang Asia” dan Konsep “Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya” yang menekankan kebebasan negara Asia dan meningkatkan persaudaraan sejagat, selari dengan perjuangan golongan nasionalis Tanah Melayu terutama Kesatuan Melayu Muda (KMM).
- (c) KMM bekerjasama dengan Jepun dengan harapan Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.
- (d) Kejayaan tentera Jepun mengalahkan British menyedarkan orang Melayu bahawa orang Asia mampu mengalahkan orang Eropah yang dianggap sebagai kuasa besar.

2. Perjuangan menuntut kemerdekaan dalam kalangan orang Melayu

- (a) Langkah Jepun membebaskan ahli KMM yang dipenjarakan oleh British membangkitkan nasionalisme dalam kalangan orang Melayu.
- (b) Tentera Jepun memberikan ruang kepada kegiatan politik KMM kerana memerlukan sokongan masyarakat tempatan.
- (c) Pada Jun 1942, tentera Jepun membubarkan KMM kerana pemimpinnya telah menuntut kemerdekaan daripada Jepun.
- (d) Menyedari Jepun tidak akan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu, KMM meneruskan perjuangan kemerdekaan dengan strategi baharu.
- (e) Anggota KMM dalam organisasi ketenteraan yang ditubuhkan tentera Jepun, iaitu Giyu Gun dan Giyu Tai menyertai gerakan bawah tanah menentang Jepun.
- (f) Pada Jun 1945, tentera Jepun semakin tertekan dengan serangan Tentera Bersekutu berusaha memenangi kembali hati golongan nasionalis Melayu.
- (g) Jepun menyokong Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ibrahim Haji Yaacob, Onan Haji Siraj dan bekas pemimpin KMM yang menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS).
- (h) Jepun merestui matlamat KRIS untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia melalui semangat “Asia untuk Asia”.
- (i) Rancangan Tanah Melayu merdeka bersama Indonesia tidak dapat dilaksanakan kerana Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 berikutan pengeboman bandar Hiroshima dan Nagasaki.
- (j) Matlamat KRIS diteruskan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) selepas pendudukan Jepun.

Warisan Negara Bangsa

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

Buku Teks ms. 4 – 5

1. Nyatakan ciri-ciri negara bangsa berdasarkan huraian berikut.

TP 1

SP
9.1.1

Ciri-ciri negara dan bangsa

Huraian

(a) Undang-undang



Menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan dan terpakai di seluruh wilayah pengaruh. Dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan sesebuah kerajaan.

(b) Wilayah pengaruh



Merupakan kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja.

(c) Rakyat



Merujuk kepada penduduk di dalam sesebuah wilayah yang tidak menderhaka dan setia kepada raja.

(d) Raja



Menjadi tonggak utama kerajaan. Dianggap suci dan sentiasa ditaati oleh rakyat. Kedudukan diperkukuh dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh pembesar.

2. Lengkapkan ayat berikut tentang ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

TP 2

SP
9.1.1

(a) Raja dianggap suci dan sentiasa ditaati oleh rakyat. Contohnya, Raja Champa dianggap pemerintah yang suci dan dikaitkan dengan Dewa Siva.

(b) Rakyat merujuk kepada penduduk di dalam sesebuah wilayah yang setia kepada raja dan tidak menderhaka. Contohnya, rakyat Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka dengan meminum air sumpah di Telaga Batu.

(c) Undang-undang menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan dan terpakai di seluruh wilayah pengaruh. Contohnya, kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa*.

(d) Wilayah pengaruh merupakan kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja. Contohnya, wilayah pengaruh kerajaan Funan meliputi Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar dan Segenting Kra.

TUTORIAL



Pengenalan

1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

Buku Teks ms. 6 – 7

3. Huraikan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

TP 3

SP
9.1.2

Ciri-ciri negara bangsa

Huraian

(a) Rakyat

Seluruh penduduk dalam sesebuah wilayah yang terikat dengan undang-undang dan mengakui kekuasaan sultan.

(b) Lambang kebesaran

Alat regalia, nobat, warna, bahasa, undang-undang, dan adat istiadat yang menjadi simbol kedaulatan sultan.

(c) Undang-undang

Undang-undang bertulis yang dipengaruhi hukum adat tempatan dan agama Islam digunakan untuk mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat.

(d) Wilayah pengaruh

Merangkumi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.

(e) Kerajaan

Sultan menjadi pemerintah tertinggi dan dibantu oleh Bendahara, Laksamana, Temenggung, dan Penghulu Bendahari.

(f) Kedaulatan

Bebas daripada campur tangan kuasa asing dan menjadi hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah.

4. Lakukan aktiviti berikut.

TP 5

SP
9.1.2



AKTIVITI PAK-21

▶ Lawatan ke Galeri


- Bahagikan kelas kepada empat kumpulan.
- Setiap kumpulan akan memilih satu kerajaan yang terkenal di Alam Melayu.
- Dapatkan maklumat ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu tersebut daripada sumber buku dan internet.
- Hasil dapatan dipersembahkan dengan gambar foto dan penerangan yang menarik.
- Hasil kerja setiap kumpulan ditampal di dinding untuk dilihat oleh ahli kumpulan lain.
- Ahli kumpulan akan bergerak untuk melihat, menganalisis, dan memberi komen hasil kerja kumpulan lain.



1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

5. Lengkapkan rajah tentang sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka di bawah.

SP
9.1.3



TP 3

6. Jawab soalan berikut dengan tepat dan ringkas.



MAHIR SPM

TP 4

SP
9.1.3

- | | |
|-----|--|
| (a) | Apakah undang-undang yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka? |
| | Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. |
| (b) | Jelaskan kandungan Hukum Kanun Melaka. |
| | Mengandungi 44 fasal berkaitan jenayah, bidang kuasa sultan dan pembesar, kekeluargaan dan hal ekonomi. |
| (c) | Nyatakan perkara yang terkandung dalam Undang-undang Laut Melaka. |
| | Perkara berkaitan dengan peranan nakhoda, pelayaran, jenayah di atas kapal dan percukaian. |
| (d) | Mengapakah perbuatan jenayah sangat diambil berat oleh pemerintah Kesultanan Melayu Melaka? |
| | Jenayah harus dibendung kerana menggugat ketenteraman dan keharmonian hidup tidak kira di darat atau di laut. |
| (e) | Jelaskan kesan pengenalan undang-undang bertulis dalam Kesultanan Melayu Melaka. |
| | Melancarkan pentadbiran dan aktiviti perdagangan dan memberi keyakinan kepada pedagang untuk datang berdagang ke Melaka. |

KBAT
Menilai


1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat

Buku Teks ms. 12 – 13

7. Lengkapkan peta dakap berikut. **i-Think** Peta Dakap

TP 4

SP
9.1.4



CETUS IDEA



8. Jawab soalan berikut dengan tepat dan ringkas.

TP 6

SP
9.1.4

	Soalan	Jawapan
(a)	Siapakah yang tergolong sebagai golongan pemerintah?	Sultan, pembesar, kerabat diraja dan ulama.
(b)	Mengapakah perlu wujud hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat?	Memelihara kedaulatan raja, menjamin kekuatan kerajaan dan kesejahteraan rakyat.
(c)	Bagaimanakah rakyat menunjukkan sokongan terhadap pemerintah?	Menyokong dasar pemerintah, tidak memburuk-burukkan pemerintah, mematuhi arahan pemerintah dan tidak bersekongkol dengan kuasa luar untuk menjatuhkan pemerintah.
(d)	Apakah kesan jika hubungan antara pemerintah dengan rakyat tidak baik?	Menjejaskan keamanan dan kemakmuran, melemahkan pertahanan negara dan memudahkan negara dijajah kuasa asing.
(e)	Jelaskan kepentingan kepemimpinan dalam pentadbiran negara.	Melancarkan sistem pentadbiran, mensejahterakan rakyat dan memakmurkan ekonomi.



Peta berikut menunjukkan empayar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.



1. Terangkan wilayah pengaruh Melaka.

Merangkumi Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.

2. Jelaskan maksud dan contoh wilayah berikut:

- (a) Wilayah taklukan

Wilayah yang diperoleh melalui peperangan. Contohnya Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar.

- (b) Wilayah naungan

Wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka sama ada melalui perkahwinan atau persahabatan. Contohnya, Lingga, Patani dan Kedah.

3. Apakah kelebihan memiliki wilayah pengaruh yang luas?

KBAT Menilai Menguasai hasil bumi. Membekalkan barang dagangan. Menjadi kuasa yang kuat dan digeruni. Meluaskan agama dan pengaruh Islam. Menjalin hubungan baik dengan kerajaan lain. Mengukuhkan sistem pertahanan dan ketenteraan.

4. Kesultanan Melayu Melaka merupakan asas pembinaan negara bangsa Malaysia. Apakah aspek kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka yang harus dicontohi oleh pemerintah masa kini?

KBAT Mengaplikasi Mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Memiliki sistem perundangan yang sistematik. Menjalin hubungan baik dengan kerajaan luar. Memajukan kegiatan perdagangan antarabangsa.

Kebangkitan Nasionalisme

2.1 Maksud Nasionalisme

Buku Teks ms. 22 - 23

1. Namakan tokoh berikut. Kemudian, lengkapkan maksud nasionalisme mengikut pandangan tokoh tersebut.

TP 1



(a) Dato' Onn Jaafar

Kita hendak menzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu.



(b) Hans Kohn

Nasionalisme merupakan satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara dan bangsanya.



(c) Prof. William R. Roff

Nasionalisme juga timbul akibat kebimbangan masyarakat terhadap sekularisme dan imperialisme Barat yang melanda Tanah Melayu.



(d) Dr. Burhanuddin al-Helmi

Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat, iaitu National Fronts.



(e) Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

Nasionalisme merujuk kepada perjuangan orang Melayu sebelum merdeka untuk mendapatkan semula kedudukan unggul dalam negara sendiri.



(f) Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid

Nasionalisme Melayu bukanlah gejala baharu hasil penggabungan Tanah Melayu oleh British, tetapi nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

2. Jawab soalan berikut tentang Revolusi Keagungan (1688).

TP 3

SP
9.2.2

Soalan	Jawapan
(a) Apakah sebab berlakunya Revolusi Keagungan di England?	Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat.
(b) Mengapakah pemerintahan Raja James II ditentang oleh ahli parlimen?	Pemerintahan raja berkuasa mutlak dan membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang.
(c) Namakan pemerintah dari Belanda yang memberi sokongan kepada ahli parlimen England.	Raja William of Orange
(d) Apakah dasar yang diperkenalkan semasa pemerintahan Marry II dan Raja William of Orange?	Konsep kedaulatan parlimen, sistem raja berperlembagaan dan penggubalan <i>Bill of Rights</i> .

3. Lengkapkan ayat berikut tentang Revolusi Amerika (1776).

TP 3

SP
9.2.2

- (a) Reaksi orang Amerika menentang penjajahan British yang tidak melindungi hak penduduk Amerika yang merupakan sebahagian daripada empayar British.
- (b) Terdapat 13 buah tanah jajahan British di Amerika. Penduduk Amerika menentang akta untuk memungut cukai seperti Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Teh dan Akta Setem.
- (c) Penduduk tanah jajahan di Amerika melaungkan slogan "tiada cukai tanpa perwakilan" kerana tiada wakil Amerika dalam Parlimen British.
- (d) Pemimpin di tanah jajahan diketuai oleh George Washington menubuhkan kongres dan mengisytiharkan perang terhadap British untuk memperjuangkan kemerdekaan Amerika.
- (e) Pada Julai 1776, kongres meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika yang ditulis oleh Thomas Jefferson. Perisytiharan tersebut menegaskan jika sesebuah kerajaan tidak dapat menjamin kehidupan, kebebasan dan kebahagiaan, maka rakyat berhak menubuhkan kerajaan baharu.
- (f) Revolusi Amerika berakhir pada tahun 1783 apabila British mengakui kemerdekaan Amerika. 13 buah tanah jajahan digabungkan dan diberi nama Amerika Syarikat yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi.

4. Padankan jawapan berikut dengan soalan yang diberi.

SP
9.2.2

TP 3

Jean Jacques Rousseau dan Voltaire.

A

Kebebasan, persamaan dan persaudaraan.

B

Kemunculan Republik Perancis dan mengakhiri pemerintahan beraja di Perancis.

C

Memonopoli pelbagai keistimewaan sebaliknya rakyat terbeban dengan pelbagai cukai.

D

Hasrat umum yang merupakan kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran.

E

Menggempur penjara Bastille, membebaskan tahanan politik dan menggulingkan Raja Louis XVI.

F

Soalan	Jawapan
(a) Siapakah pemikir Perancis yang mencetuskan idea nasionalisme?	A
(b) Apakah idea nasionalisme yang diperjuangkan dalam Revolusi Perancis 1789?	B
(c) Jelaskan maksud suara rakyat dalam karya <i>The Social Contract</i> .	E
(d) Mengapakah golongan revolusi menentang pemerintahan Raja Louis XVI dan golongan bangsawan?	D
(e) Apakah tindakan golongan revolusi dalam Revolusi Perancis 1789?	F
(f) Nyatakan kesan Revolusi Perancis 1789.	C

2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia

5. Lengkapkan ayat di bawah tentang nasionalisme di India.

TP 3

SP
9.2.3

merdeka	keganasan	militan	imperialisme	intelektual
Pakistan	Dahagi India	Liga Islam	Perdana Menteri	sosioagama

Nasionalisme di India merupakan reaksi penduduk tempatan terhadap dasar (a) imperialisme British. Kebangkitan rakyat tempatan dalam (b) Dahagi India pada tahun 1857 menjadi titik tolak kepada perkembangan nasionalisme di India. Nasionalisme awal memperjuangkan isu (c) sosioagama yang digerakkan oleh pertubuhan seperti Brahma Samaj dan Arya Samaj.

Perkembangan pendidikan Barat pada penghujung abad ke-19 melahirkan golongan (d) intelektual yang membentuk pertubuhan politik yang lebih tersusun. Kongres Kebangsaan India atau Indian National Congress (INC) ditubuhkan pada tahun 1885 dan (e) Liga Muslim ditubuhkan pada tahun 1906.

Pada awal abad ke-20, muncul golongan radikal seperti Bal Gangadhar Tilak dan Bipin Chandra Pal yang menentang British secara (f) militan. Selepas Perang Dunia Pertama, INC diterajui oleh Mahatma Gandhi yang mengamalkan dasar tidak bekerjasama dengan British dan menjadikan satyagraha sebagai asas perjuangan tanpa (g) keganasan.

Selepas Perang Dunia Kedua, INC dan Liga Muslim membentuk jawatankuasa khas rancangan pembahagian India, iaitu India dan (h) Pakistan. Pakistan menjadi negara (i) merdeka pada 14 Ogos 1947 dengan Muhammad Ali Jinnah sebagai Gabenor Jeneral Pakistan. India mengisytiharkan kemerdekaan pada 15 Ogos 1947 dengan Jawaharlal Nehru sebagai (j) Perdana Menteri pertama India.

6. Jawab soalan berikut dengan tepat dan ringkas.

TP 3

SP
9.2.3

republik	nasionalisme	kuasa asing	campur tangan
pengaruh Barat	Revolusi China	Dinasti Manchu	Dr. Sun Yat Sen

Nasionalisme di China bertujuan mengukuhkan peradaban China dalam kalangan orang Cina daripada ancaman penguasaan politik dan ekonomi oleh (a) kuasa asing. Nasionalisme China bermula dengan penentangan terhadap pemerintahan (b) Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria) yang dianggap sebagai orang luar dan kehilangan mandat. Masyarakat China hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu yang gagal menghalang kemasukan (c) pengaruh Barat.

Nasionalisme seterusnya bercorak anti-Barat kerana menentang (d) campur tangan kuasa Barat di China. Tokoh yang mempelopori gerakan kebangkitan rakyat di China ialah (e) Dr. Sun Yat Sen. Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i) sebagai ideologi perjuangan, iaitu (f) nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial. Prinsip tersebut menjadi asas kepada gerakan (g) Revolusi China pada tahun 1911 yang berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu dan kemunculan pemerintahan (h) republik di China.

7. Gariskan jawapan yang betul tentang nasionalisme di empayar Uthmaniyah dan Mesir.

TP 3

SP
9.2.3

- Nasionalisme di empayar Uthmaniyah dan Mesir lahir daripada (kesedaran / kebangkitan) untuk mempertahankan sistem pemerintahan Islam dan agama Islam kesan ancaman imperialisme Barat.
- Pada tahun 1883, Sayyid Jamal al-Din al-Afghani telah menubuhkan kumpulan yang diberikan nama al-Urwah al-Wuthqa untuk mengukuhkan semangat (perkauman / persaudaraan) dan membawa umat Islam kepada kemajuan.
- Pertubuhan ini telah menerbitkan akhbar al-Urwah al-Wuthqa untuk menyebarkan idea Pan-Islamisme, iaitu seruan (penyatuan / pemisahan) umat Islam di seluruh dunia untuk bangkit menghalang peluasan kuasa Barat.
- Pada tahun 1914, empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa menyeru umat Islam yang ditindas penjajah Barat bangkit berjuang bersama-sama dengan empayar Uthmaniyah. Khalifah Abdul Hamid II, iaitu pemerintah empayar Uthmaniyah, menggerakkan idea (Pan-Islamisme / demokrasi).
- Gerakan ini mendapat sokongan umat Islam di seluruh dunia termasuklah Tanah Melayu. Contohnya, kebangkitan (Dato' Bahaman / Tok Janggut) menentang British di Kelantan pada tahun 1915.
- Gerakan Islah merujuk gerakan (pemulihan / pemodenan) Islam. Gerakan ini dipelopori oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh.
- Imperialisme Barat di Mesir menyebabkan pertembungan kebudayaan antara Eropah-Amerika dengan kebudayaan (asing / tempatan) yang mengubah budaya masyarakat tempatan.
- Gerakan Islah menyeru umat Islam berpegang pada ajaran Islam yang sebenar berpandukan al-Quran dan (Kitab / Hadis) serta memperbaiki kehidupan masyarakat untuk melepaskan diri daripada penjajahan.

8. Lengkapkan ayat di bawah tentang nasionalisme di Jepun.

TP 3

SP
9.2.3

tentera	Barat	bushido	Meiji	kemajuan	berkorban
ekonomi	tanggungjawab	perindustrian	pemulihan	pembaharuan	pemodenan

- Nasionalisme di Jepun digerakkan oleh pemerintah Jepun disebabkan kesedaran untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat.
- Maharaja Mikado Meiji melancarkan gerakan pemulihan Jepun dengan menekankan pemodenan mengikut model Barat supaya Jepun dihormati oleh kuasa Barat.
- Prinsip dan semangat bushido dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah semasa era Pemulihan Meiji.
- Semangat bushido ialah sikap sanggup menanggung risiko, bersungguh-sungguh mencapai cita-cita dan sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab terhadap ketua dan negara.
- Pemulihan Meiji meliputi gerakan pembaharuan dalam semua aspek kehidupan yang menjadikan Jepun muncul sebagai negara perindustrian dan kuasa tentera yang kuat di Asia pada awal abad ke-20.
- Desakan ekonomi dan nasionalisme melampau oleh golongan tentera kemudiannya menjadikan Jepun sebagai kuasa imperialisme di Asia.



9. Jawab soalan berikut dengan tepat dan ringkas.

SP
9.2.3

(a) Apakah faktor yang mencetuskan nasionalisme di India, Mesir dan China?

(i) Menamatkan penjajahan kuasa asing.

(ii) Menuntut perubahan politik.

(b) Senaraikan **dua** tokoh nasionalis di negara berikut.

(i) India

Mahatma Gandhi dan Bal Gangadhar Tilak.

(ii) Mesir

Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh.

(c) Jelaskan faktor nasionalisme di Jepun.

Nasionalisme di Jepun disebabkan kesedaran pemerintah Jepun untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat.

(d) Senaraikan **empat** ciri kepimpinan yang boleh kita contohi daripada golongan nasionalis.

KBAT
Menilai

(i) Cinta akan negara.

(ii) Sanggup berkorban demi negara.

(iii) Bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita.

(iv) Tidak mudah berputus asa.

(e) Nyatakan iktibar yang boleh diambil daripada perkembangan nasionalisme di Asia.

KBAT
Menilai

Kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan muslihat dan anasir asing yang boleh menjejaskan kedaulatan bangsa dan negara. Kita harus memperbaiki dan memajukan kehidupan agar dihormati oleh kuasa asing. Kita harus memastikan kuasa asing tidak mempunyai peluang campur tangan dalam politik negara kita dengan mengukuhkan perpaduan dan memajukan ekonomi.

2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

Buku Teks ms. 28 – 31

10. Lengkapkan ayat di bawah tentang nasionalisme di Filipina.

TP 3

SP
9.2.3

diplomasi	Jose Rizal	<i>Kalayan</i>	radikal
Liga Filipina	Emilio Aguinaldo	kemerdekaan	Sergio Osmena
Revolusi Filipina	hak yang sama	Amerika Syarikat	Andres Bonifacio

Nasionalisme di Filipina pada peringkat awal berbentuk Gerakan Propaganda yang dipimpin oleh (a) Jose Rizal. Gerakan ini menuntut Filipina dijadikan sebagai wilayah Sepanyol, bangsa Filipina diberikan (b) hak yang sama seperti bangsa Sepanyol, dan kebebasan bersuara.

Apabila tidak mendapat tindak balas daripada Sepanyol, Jose Rizal telah menubuhkan (c) Liga Filipina pada tahun 1892 mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi, dan sosial. Kegagalan Gerakan Propaganda mencetuskan idea nasionalisme yang lebih (d) radikal.

Katipunan ditubuhkan oleh (e) Andres Bonifacio untuk menuntut kemerdekaan melalui revolusi. Akhbar (f) Kalayan menyebarkan idea revolusi kepada rakyat Filipina. Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo memimpin Katipunan melancarkan (g) Revolusi Filipina pada tahun 1896 untuk menyingkirkan Sepanyol namun gagal. Emilio Aguinaldo bekerjasama dengan (h) Amerika Syarikat mengusir Sepanyol dari Filipina.

Perisytiharan Kemerdekaan Filipina pada tahun 1899 oleh (i) Emilio Aguinaldo tidak diiktiraf oleh Amerika Syarikat. Di bawah penjajahan Amerika Syarikat, perjuangan nasionalisme menggunakan dasar (j) diplomasi melalui parti politik sederhana. Pendekatan kerjasama telah membolehkan (k) Sergio Osmena, pemimpin Parti Nasionalis menganggotai Dewan Perhimpunan Filipina pada tahun 1907. Gerakan nasionalisme untuk menuntut (l) kemerdekaan Filipina diteruskan sehingga Perang Dunia Kedua.

11. Lengkapkan ayat di bawah tentang nasionalisme di Burma (Myanmar).

TP 3

SP
9.2.3

petani	Aung San	kesucian	berkerajaan
sami Buddha	isu kasut	Dr. Ba Maw	kelas pertengahan
Pemberontakan Saya San	Golongan Thakin	Revolusi Pelajar	Persatuan Belia Buddha

(a) Nasionalisme di Burma adalah manifestasi perjuangan golongan kelas menengah, sami Buddha (pongyi), Thakin (siswazah universiti) dan golongan petani menentang imperialisme British.

- (b) Nasionalisme digerakkan oleh golongan kelas pertengahan berpendidikan Barat berikutan pengaruh British yang mengancam kedudukan agama Buddha. Mereka menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906 untuk mengekalkan tradisi Buddha, pendidikan dan kebudayaan Burma.
- (c) Persatuan tersebut menggunakan isu kasut untuk membangkitkan nasionalisme. Isu kasut merujuk kepada perbuatan British yang memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha. Perbuatan ini dianggap mencemari kesucian agama Buddha.
- (d) Selepas diambil alih oleh pemimpin yang lebih radikal seperti U Ba Pe, persatuan tersebut dinamakan Majlis Persatuan Am Kesatuan Burma. Isu berkaitan dengan bangsa Burma mula diperjuangkan. Menjelang tahun 1920, Revolusi Pelajar menuntut penubuhan universiti untuk mereka.
- (e) Golongan sami Buddha seterusnya menubuhkan Majlis Am Sangha Samagyi dan mencetuskan Pemberontakan Saya San (1930 – 1932). Pemberontakan ini diketuai oleh Saya San, iaitu bekas pongyi mendapat sokongan golongan petani yang terbeban dengan pelbagai jenis cukai.
- (f) Perkembangan nasionalisme seterusnya dipengaruhi oleh pengenalan Perlembagaan Burma 1935 yang memisahkan Burma dengan India. Perlembagaan tersebut merangsang perjuangan ke arah berkerajaan sendiri.
- (g) Golongan Thakin menubuhkan Parti Do Bama Asiayone (Kami Orang Burma) untuk memperjuangkan kemerdekaan Burma. Pemimpin parti tersebut seperti Aung San, Kyaw Nein dan U Nu menggelar diri sebagai “Thakin” yang bermaksud tuan dan menegaskan orang Burma mesti bertuan orang Burma.
- (h) Dr. Ba Maw yang memenangi pilihan raya pada tahun 1937 kemudiannya dilantik sebagai Perdana Menteri yang pertama.

CETUS IDEA



12. Jawab soalan di bawah tentang nasionalisme di Vietnam. **TP 4**

SP

9.2.3

- (a) Apakah faktor kemunculan nasionalisme di Vietnam?

Perubahan sosiopolitik dan sosiekonomi selepas kedatangan Perancis.

- (b) Namakan **dua** akhbar yang menyebarkan idea nasionalisme di Vietnam.

(i) Tribune Indige

(ii) Cloche Felee


- (c) Namakan pemimpin parti berikut.

Parti	Pemimpin
Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD)	<u>Nguyen Thai Hoc</u>
Parti Komunis Vietnam (PKV)	<u>Ho Chi Minh</u>

(d) Bagaimanakah Perancis melumpuhkan perjuangan VNQDD?

Perancis menangkap pemimpin VNQDD dan menghukum bunuh Nguyen Thai Hoe.

(e) Terangkan peranan tokoh berikut dalam gerakan nasionalisme di Vietnam.



Ho Chi Minh

Meneruskan gerakan revolusi menentang Perancis melalui Parti Komunis Vietnam (PKV). Beliau mengisytiharkan kemerdekaan Republik Demokratik Vietnam di Hanoi, Vietnam Utara. Beliau dilantik menjadi Presiden pertama.

13. Lengkapkan ayat berikut tentang nasionalisme di Indonesia.

TP 3

SP
9.2.3

nasib	radikal	Belanda	Soekarno
pendidikan	diskriminasi	sekularisme	agama Islam
kemerdekaan	Sumpah Pemuda	Raden Adjeng Kartini	Partai Komunis Indonesia

- (a) Pada peringkat awal, nasionalisme di Indonesia memberi tumpuan terhadap isu-isu pendidikan untuk mengubah nasib rakyat Indonesia akibat dasar penjajah Belanda.
- (b) Raden Adjeng Kartini mempelopori perjuangan untuk memajukan pendidikan kaum wanita melalui karyanya, *Habis Gelap Terbitlah Terang* yang mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia disebabkan dasar diskriminasi penjajah Belanda.
- (c) Pertubuhan yang lebih tersusun muncul seperti Muhammadiyah yang berjuang mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat.
- (d) Gerakan nasionalisme semakin radikal melalui penubuhan parti-parti politik seperti Sarekat Islam, Partai Komunis Indonesia dan Partai Nasional Indonesia.
- (e) Partai Nasional Indonesia dipimpin oleh Soekarno sangat berpengaruh dalam kalangan rakyat Indonesia kerana perjuangannya menuntut kemerdekaan Indonesia daripada Belanda.
- (f) Pada tahun 1928, Kongres Pemuda Indonesia melahirkan ikrar Sumpah Pemuda, iaitu satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa.
- (g) Gabungan parti politik Indonesia telah membentuk Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI) untuk memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.



14. Nyatakan usaha diplomasi dan pemodenan yang dilakukan oleh pemerintah berikut.

TP 3

SP
9.2.3

- (a) Menjalin hubungan baik dengan kuasa Barat seperti British, Amerika Syarikat dan Perancis.
- (b) Membawa masuk penasihat Barat untuk melatih pegawai tempatan dalam hal kewangan, pelabuhan, kastam, ketenteraan dan polis.
- (c) Melaksanakan sistem pendidikan Barat dengan membawa masuk guru dari British.



Raja Mongkut

15. Bulatkan jawapan yang betul.

TP 3

SP
9.2.3

- (a) Kelemahan pentadbiran Raja Vajiravudh menimbulkan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh golongan
 - A** intelektual
 - B** kerabat diraja
- (b) Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat dan melancarkan
 - A** Pemberontakan Rakyat
 - B** Revolusi Thai
- (c) Revolusi Thai 1932 telah menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak dan memperkenalkan pemerintahan
 - A** Raja berperlembagaan
 - B** Sistem Republik
- (d) Gerakan nasionalisme di Thailand seterusnya menentang penguasaan ekonomi oleh orang Cina dan
 - A** kapitalis Barat
 - B** kerabat diraja
- (e) Perdana Menteri Phibulsongkram meluluskan undang-undang menyekat penguasaan ekonomi oleh orang Cina dan menggalakkan peribumi terlibat dalam
 - A** aktiviti persatuan
 - B** kegiatan ekonomi
- (f) Semasa Perang Dunia Kedua, Thailand menjalin kerjasama dengan Jepun menyebabkan Thailand tidak dijajah dan mendapat semula wilayah di Indochina dan negeri utara
 - A** Indonesia
 - B** Tanah Melayu

2.5 Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita

Buku Teks ms. 32 – 33

16. Lengkapkan ayat di bawah.

TP 1

SP
9.3.1

Zaman	Huraian
Zaman Kesultanan Melayu Melaka	(a) Sultan <u>Mahmud Shah</u> mendapatkan Melaka dengan melakukan tiga kali serangan terhadap <u>Portugis</u> , namun menemui <u>kegagalan</u> .
Zaman penjajahan British 	(b) <u>Sultan Kedah</u> , iaitu Sultan Abdullah Mukkaram Shah menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) untuk mendapatkan semula <u>Pulau Pinang</u> yang merupakan sebahagian daripada wilayah <u>Kedah</u> . (c) Perjuangan menentang <u>penjajah</u> seperti Penghulu Dol Said, Dato' Maharaja Lela, Pandak Lam, Dato' Bahaman, <u>Rentap</u> , Mat Salleh, <u>Tok Janggut</u> dan Haji Abdul Rahman Limbong. (d) Perjuangan menuntut <u>kebebasan</u> daripada ancaman kuasa luar dan <u>mendaulatkan</u> wilayah masing-masing.
Awal abad ke-20  	(e) Peringkat awal melalui <u>Gerakan Islah</u> yang dipelopori oleh tokoh agama seperti Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, <u>Haji Abbas Mohd Taha</u> dan Syed Sheikh al-Hadi. (f) Diteruskan melalui penulisan kreatif dan <u>akhbar</u> oleh tokoh seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Muhammad Rakawi Yusuf, Abdul Rahim Kajai, Hajah Zainon Munshi Sulaiman (Ibu Zain) dan <u>Fatimah Yaakub</u> . (g) Terdapat juga pertubuhan <u>sosioekonomi</u> yang diperjuangkan oleh golongan berpendidikan <u>Inggeris</u> dan Melayu seperti Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, <u>Ahmad Boestamam</u> dan Burhanuddin al-Helmi. (h) Perjuangan <u>mengkritik</u> penjajah dan menyedarkan masyarakat tetap diteruskan walaupun menghadapi kekangan <u>kewangan</u> , halangan <u>undang-undang</u> dan pengawasan ketat daripada pemerintah.

17. Lakukan aktiviti berikut.

TP 5

SP
9.3.1



AKTIVITI PAK-21

Meja Bulat

- Pilih seorang nasionalis dari Barat, Asia atau Asia Tenggara. Dapatkan maklumat tentang:
 - Latar belakang
 - Matlamat perjuangan
 - Cara atau strategi perjuangan
 - Ciri-ciri kepimpinan yang wajar diteladani
- Hasil maklumat dibincangkan secara meja bulat.
- Seorang ketua akan dipilih untuk membentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.

2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

18. Berdasarkan huraian berikut, nyatakan faktor kemunculan gerakan nasionalisme yang betul.

TP 4

SP
9.3.2

Peranan agama	Pengaruh luar dan serantau	Peranan media cetak
Penulisan kreatif	Kemunculan intelektual	Sistem pendidikan

(a) Peranan media cetak

Menjadi penyalur maklumat, penyebar berita, pengkritik dan memuatkan idea pembaharuan. Contohnya, *Jawi Peranakan*, *Sekola Melayu* dan *Fajar Sarawak*.

(b) Penulisan kreatif

Hasil kesusasteraan seperti cerpen, puisi dan novel yang menjadi wadah memaparkan penderitaan rakyat dan keperitan hidup bangsa yang dijajah.

(c) Pengaruh luar dan serantau

Kebangkitan Pan-Islamisme, Gerakan Islah, Revolusi China, perjuangan Mahatma Gandhi dan Jose Rizal membangkitkan kesedaran nasionalisme.

(d) Peranan agama

Pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir terpengaruh dengan Gerakan Islah yang menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam sebenar berpandukan al-Quran dan hadis.

(e) Sistem pendidikan

Melalui sistem pendidikan, pelajar didedahkan dengan idea falsafah Islam dan Barat yang memperlihatkan kelemahan bangsa yang dijajah dan mendesak penjajah melakukan perubahan.

(f) Kemunculan intelektual

Hasil perkembangan sistem pendidikan dari Timur Tengah, Inggeris dan Melayu yang menggerakkan idea pembaharuan dalam masyarakat.

2.7 Perkembangan Nasionalisme

Buku Teks ms. 36 – 41

19. Lengkapkan jadual berikut.

TP 2

SP
9.3.3

Golongan intelektual	Tokoh
(a) Berpendidikan agama	(i) Syed Sheikh al-Hadi (ii) Haji Abbas Mohd Taha (iii) Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin
(b) Berpendidikan Inggeris	(i) Raja Chulan Raja Abdullah (ii) Mohammad Eunos Abdullah (iii) Raja Uda Raja Muhammad
(c) Berpendidikan Melayu TUTORIAL  Intelektual Berpendidikan Melayu	(i) Abdul Hadi Hassan (ii) Abdul Hadi Abdul Manan (iii) Harun Aminurrashid

20. Berdasarkan tujuan penubuhan, nyatakan institusi tersebut.

TP 2

SP
9.3.3


Institusi pendidikan	Tujuan penubuhan
(a) Madrasah al-Attas	Menyebarkan fahaman Islah dan kepentingan pendidikan.
(b) Pejabat Karang Mengarang	Menghasilkan buku berkualiti dan melahirkan penulis dan nasionalis.
(c) Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)	Melatih guru Melayu untuk mengajar di sekolah Melayu.
(d) Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)	Melatih anak bangsawan bagi diserapkan dalam pentadbiran British.



21. Namakan akhbar dan majalah yang menyebarkan idea nasionalisme. **i-Think** **Peta Buluh**

SP
9.3.3

TP 2



CETUS IDEA



INFO



Utusan Melayu

22. Namakan akhbar masyarakat Cina dan India yang memperjuangkan hak dan kepentingan bangsa mereka.

SP
9.3.3

TP 2

Masyarakat	Akhbar
(a) Cina	<i>Lat Pau, Modern Daily News, Nanyang Tsung Hui Pao, dan Chong Shin Yit Pao</i>
(b) India	<i>Tamil Nesan, Tamil Murasu, The Indian dan Indian Pioneer</i>

23. Namakan karya kreatif pengarang berikut.

SP
9.3.3

TP 2

Pengarang	Karya kreatif
(a) Mahmud Ahmadi	<i>Sedarlah</i>
(b) Harun Aminurrashid	<i>Semenanjung</i>
(c) Abdul Samad Ahmad	<i>Serunai Pujangga</i>
(d) Abdullah Sidek	<i>Mari Kita Berjuang</i>
(e) Abdul Rahim Kajai	<i>Cerita Awang Putat</i>
(f) Omar Mustaffa	<i>Angan-angan dengan Gurindam</i>
(g) Ishak Haji Muhammad	<i>Rumah Besar Tiang Sebatang</i>
(h) Shamsuddin Salleh	<i>Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang</i>

24. Nyatakan tujuan penubuhan persatuan berikut.

TP 4

SP
9.3.3

Persatuan	Tujuan penubuhan
(a) Kesatuan Melayu Muda	Menentang British dan mewujudkan Melayu Raya. Menyeru orang Melayu untuk bangun sebagai bangsa bertamadun dan bersopan.
(b) Persaudaraan Sahabat Pena	Menggalakkan ahli bersatu dan bertukar-tukar pendapat.
(c) Kesatuan Melayu Singapura	Menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran, memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan serta mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi.

25. Jawab soalan berikut tentang persatuan masyarakat Cina dan India.

 MAHIR SPM TP 4

SP
9.3.3

INFO



Dr. Sun Yat Sen

- (a) Apakah tujuan kedatangan pemimpin China, Dr. Sun Yat Sen ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

Menjalinkan hubungan dengan pemimpin ina dan mendapatkan sokongan menentang kerajaan Manchuria di China.

- (b) Jelaskan sumbangan tokoh berikut dalam sejarah politik di Tanah Melayu.

Tokoh	Sumbangan
 Tan Jiak Kim	Menubuhkan Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA) di Negeri-negeri Selat yang menggalakkan pelajaran tinggi dan teknikal dalam kalangan masyarakat Cina.
 Tan Cheng Lock	Menubuhkan cawangan Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA) di Melaka dan menuntut peluang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.



(c) Namakan persatuan yang menjaga kepentingan masyarakat India di Tanah Melayu.

- (i) Persatuan India Taiping
- (ii) Persatuan India Pulau Pinang
- (iii) Malayan Indian Association (MIA)
- (iv) Central India Association of Malaya (CIAM)

(d) Namakan tokoh yang menubuhkan persatuan di bawah.

Tokoh	Persatuan
(i) <u>G.V. Thaver</u>	Malayan Indian Association (MIA)
(ii) <u>Dr. A.M. Soosay</u>	Central India Association of Malaya (CIAM)

(e) Terangkan tentang Central India Association of Malaya (CIAM).

Ditubuhkan pada bulan Oktober 1936 yang dipimpin oleh Dr. A.M. Soosay. CIAM menggabungkan 12 persatuan India dan 4 dewan perniagaan. Berjaya mengembangkan idea nasionalisme masyarakat India di Tanah Melayu di samping menjaga kebajikan mereka. Pergerakan CIAM disemarakkan dengan lawatan Pandit Jawaharlal Nehru ke Tanah Melayu pada tahun 1937.

(f) Huraikan perkembangan persatuan masyarakat Sikh.

Menjadikan berek polis, kuarters kerajaan dan gurdwara sebagai aktiviti sosial dan keagamaan. Gurdwara menjadi tempat penting mengembangkan kesedaran politik anti-British. Khalsa Diwan Malaya ditubuhkan pada tahun 1902 untuk menjaga kepentingan masyarakat Sikh.

26. Lakukan aktiviti berikut.

SP
9.3.3



AKTIVITI PAK-21

▶ Pengurusan Grafik

TP 6

- (a) Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan.
- (b) Setiap kumpulan akan membincangkan tentang:
 - (i) Maksud semangat cinta akan negara.
 - (ii) Kepentingan semangat cinta akan negara.
 - (iii) Cadangan mengukuhkan semangat cinta akan negara.
 - (iv) Kesan jika rakyat tidak memiliki semangat cinta akan negara.
- (c) Hasil perbincangan dibentangkan dalam bentuk peta minda atau infografik.

2.8 Kesan Perkembangan Nasionalisme

Buku Teks ms. 42 - 43

27. Lengkapkan ayat berikut dengan maklumat berkaitan kesan perkembangan nasionalisme di negara kita.

SP
9.3.4

TP 4

Politik

- Meningkatkan bilangan orang Melayu dalam Malayan Civil Service (MCS).
- Pengenalan Dasar Desentralisasi berjaya mengembalikan semula kuasa sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri.
- Sekitar tahun 1921, kesan nasionalisme di China telah mempengaruhi penubuhan sekolah Cina dan bahasa Mandarin dijadikan bahasa pengantar.
- Kemunculan masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu dikenali sebagai The Strait Born People.
- British menyekat gerakan nasionalisme dengan menangkap tokoh nasionalis seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad dan Ibrahim Haji Yaakob.

- India
- Melayu
- sekolah Cina
- Desentralisasi
- Ishak Haji Muhammad
- Majlis Mesyuarat Negeri

Ekonomi

- Penubuhan persatuan kebajikan al-Jamiah al-Khairiah di Singapura untuk membangkitkan semangat berniaga dalam kalangan orang Melayu.
- Pada awal abad ke-20, British hanya menekankan pendidikan rendah sehingga menyukarkan usaha meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan.
- Za'ba menyedarkan guru pelatih di SITC tentang kepentingan pendidikan tinggi dan kurikulum bahasa Inggeris.
- The Malay Mail* dan *The Malaya Tribune* mengadakan dana bagi membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran di luar negara.
- Terdapat orang Melayu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti Tunku Abdul Rahman, Tunku Yaacob dan Mohd Zain Ariffin.

- luar negara
- taraf hidup
- pendidikan rendah
- pendidikan tinggi
- Tunku Abdul Rahman Melayu
- al-Jamiah al-Khairiah

Sosial

- Mewujudkan kesedaran menuntut ilmu di madrasah dan sekolah Melayu.
- Bilangan lepasan SITC bertambah dan berkhidmat sebagai guru.
- Majalah Bulan Melayu diterbitkan oleh guru wanita di Johor Bahru.
- Masyarakat India dan Ceylon menubuhkan persatuan untuk menjaga kebajikan mereka.
- Tan Cheng Lock menganggotai Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat (SSLC) menuntut British menjaga kebajikan dan menyediakan dana untuk belajar dalam kalangan masyarakat Cina.

- guru
- madrasah
- persatuan
- Bulan Melayu
- Tan Cheng Lock



Berpendidikan
Inggeris

Kepentingan orang
Melayu

Politik dan
pendidikan

Persatuan Melayu
Pahang, Selangor

Penyatuan suara
secara majoriti

Mencapai matlamat
yang sama

Tokoh berikut merupakan pengasas Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang ditubuhkan pada tahun 1926.



1. Jelaskan latar belakang tokoh tersebut.

Tokoh tersebut ialah Mohammad Eunos Abdullah. Beliau merupakan lepasan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Beliau merupakan intelektual berpendidikan Inggeris yang berperanan dalam perkembangan nasionalisme.

2. Apakah tujuan penubuhan Kesatuan Melayu Singapura (KMS)?

Menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran. Memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan. Mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi.

3. Kejayaan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) mendorong penubuhan persatuan negeri yang lain. Jelaskan pernyataan tersebut.

Mendorong penubuhan Persatuan Melayu Pahang, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan.

4. Pada pendapat anda, apakah kepentingan perjuangan melalui persatuan atau pertubuhan berbanding secara individu?

Menggalakkan penyatuan suara secara majoriti. Mengukuhkan amalan muafakat. Menghapuskan semangat kenegerian. Mengelakkan kepentingan peribadi. Mencapai keputusan dengan adil dan saksama. Mencapai matlamat yang sama.

KBAT
Menganalisis

KBAT
Menilai

Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita

3.1 Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia

Buku Teks ms. 52 - 53

1. Lengkapkan ayat berikut tentang kesedaran awal nasionalisme di negara kita.

TP 1

SP
10.1.1

penjara	Barat	Raja-raja Melayu	akhbar
bersuara	Tok Janggut	Biro Siasatan Politik	Uthmaniyah
bersenjata	Timur Tengah	Perang Dunia Pertama	undang-undang

- Sejak awal abad ke-20, British berusaha membendung pengaruh gerakan Islam dari Timur Tengah.
- Enakmen Undang-undang Islam 1904 telah diperkenalkan oleh British dengan persetujuan Raja-raja Melayu.
- Sesiapa yang mencetak dan mengedarkan tulisan berkaitan agama dan politik Islam tanpa izin sultan boleh dikenakan hukuman penjara.
- British memperkenalkan Jabatan Siasatan Jenayah dan Biro Siasatan Politik untuk mengawal gerakan Islah Islamiah.
- Penentangan Tok Janggut merupakan pengaruh daripada gerakan Pan-Islamisme untuk mempertahankan agama Islam dan hak penduduk tempatan.
- Penentangan Tok Janggut adalah rentetan kebangkitan masyarakat Islam sedunia terhadap penjajah Barat yang menakluki negara Islam.
- Pemimpin Melayu menyokong khalifah empayar Uthmaniyah yang dianggap pelindung umat Islam serta penaung bagi tanah suci Makkah dan Madinah.
- Kegagalan penentangan bersenjata oleh Tok Janggut menyebabkan masyarakat menyusun strategi lain untuk menentang British.
- Orang Melayu menggunakan akhbar dan majalah untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan.
- Kesedaran politik tidak boleh ditunjukkan secara terang-terangan kerana sekatan undang-undang British yang menghalang penyebaran idea politik orang Melayu melalui bahan bertulis.
- British memperkenalkan undang-undang yang mengawal kebebasan bersuara, penerbitan, berpersatuan dan kawalan ketat terhadap kegiatan yang boleh mengancam kedudukan British.
- Oleh sebab itu, kesedaran awal nasionalisme tidak meluas dalam akhbar Melayu sebelum Perang Dunia Pertama.



3.2 Latar Belakang Perang Dunia

2. Lengkapkan ayat berikut berkaitan faktor Perang Dunia Pertama.

TP 2

SP
10.1.2

Jerman	Eropah	jajahan
permusuhan	memasarkan	Industri

(a) Persaingan kuasa imperialis

- Persaingan kuasa antara imperialis di Eropah berlaku kesan daripada perkembangan Revolusi Industri.
- Mereka bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan bagi memperoleh bahan mentah seperti arang batu, petroleum dan bijih timah serta memasarkan hasil industri.
- Persaingan tersebut membawa permusuhan antara kuasa Perancis dengan Jerman.

politik	senjata	ketenteraan
imperialis	Pakatan Bertiga	tanah jajahan

(b) Pakatan ketenteraan

- Permusuhan kuasa imperialis membawa kepada pembentukan pakatan ketenteraan seperti pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
- Negara dalam pakatan berlumba-lumba untuk menghasilkan senjata moden dan bersaing mendapatkan tanah jajahan.
- Kewujudan pakatan ketenteraan telah menyebabkan ketidakstabilan politik di Eropah.

Serb	Serbia	Eropah
Austria-Hungary	Archduke Ferdinand	Putera Mahkota

(c) Krisis Rantau Balkan

- Krisis di rantau Balkan berlaku akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia.
- Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb supaya berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary.
- Kemuncak krisis Balkan ialah pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary, Archduke Ferdinand dan isterinya Sophie oleh pemuda Serbia.
- Peristiwa tersebut membawa Eropah terjerumus dalam kancah Perang Dunia Pertama.

3. Lengkapkan garis masa berikut berkaitan peristiwa Perang Dunia Pertama.

TP 3

SP
10.1.2

Mac 1915	April 1917	Oktober 1914	1 Ogos 1914
3 Ogos 1914	30 Julai 1914	4 Ogos 1914	28 Julai 1914

(a) 28 Julai 1914	Austria-Hungary dengan sokongan Jerman mengisytiharkan perang terhadap Serbia.
(b) 30 Julai 1914	Rusia memberikan bantuan ketenteraan untuk mempertahankan Serbia.
(c) 1 Ogos 1914	Jerman mengisytiharkan perang terhadap Rusia.
(d) 3 Ogos 1914	Jerman mengisytiharkan perang terhadap Perancis yang menyebelahi Rusia.
(e) 4 Ogos 1914	Britain menyertai Rusia dan Perancis menyerang Jerman yang menceroboh Belgium.
(f) Oktober 1914	Empayar Uthmaniyah menyertai Kuasa Tengah.
(g) Mac 1915	Itali menyertai Perancis, Britain dan Rusia dalam Pakatan Bertiga.
(h) April 1917	Amerika Syarikat menyertai peperangan dan memihak kepada Pakatan Bertiga.

4. Lengkapkan jadual berikut tentang berakhir Perang Dunia Pertama.

TP 2

SP
10.1.2

Persidangan Damai Paris	
(a) Tarikh	18 Januari 1919
(b) Tujuan	Membincangkan syarat perdamaian selepas perang dan memastikan Jerman tidak lagi menjadi ancaman kepada keamanan di Eropah.
(c) Kepentingan	Melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson yang mengandungi dua prinsip utama, iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa.

Perjanjian Versailles	
(a) Tarikh	28 Jun 1919
(b) Pihak terlibat	Pakatan Bertiga dengan Jerman
(c) Syarat	Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang, membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga, mengehadkan saiz angkatan tentera dan menyerahkan wilayah serta tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga.
(d) Kepentingan	Penubuhan Liga Bangsa-Bangsa untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa.



5. Jelaskan keruntuhan sistem pemerintahan beraja di negara berikut.

TP 3

SP

10.1.2

Negara	Huraian
(a) Rusia	Revolusi terancang untuk menjatuhkan Tsar Nicholas II dan kerajaan komunis terbentuk di bawah pimpinan Vladimir Lenin.
(b) Jerman	Kerajaan Republik Jerman dibentuk apabila Kaiser Wilhem II turun takhta dan mendapatkan perlindungan politik di Belanda.
(c) Empayar Uthmaniyah	Sultan Mehmed VI digulingkan dan Republik Turki terbentuk diketuai oleh Mustafa Kemal Atatürk.
(d) Empayar Austria-Hungary	Dinasti Habsburg berakhir apabila berlaku pemberontakan.

6. Senaraikan **tiga** negara baharu kesan keruntuhan empayar berikut.

TP 2

SP

10.1.2

Rusia	Uthmaniyah	Austria-Hungary
(a) Latvia	(a) Lebanon	(a) Austria
(b) Estonia	(b) Syria	(b) Hungary
(c) Poland / Lithuania	(c) Iraq	(c) Yugoslavia / Czechoslovakia

TUTORIAL



Kesan Perang Dunia Pertama

7. Berdasarkan kata kunci berikut, jelaskan kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara kita.



MAHIR SPM

TP 5

SP

10.1.2

Kata kunci	Huraian
- menandatangani - taat setia - undang-undang - kuasa - tentera - dimanipulasi - getah - Perang Dunia Pertama	Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang yang menyokong dan memberikan taat setia kepada British. British meluluskan pelbagai undang-undang berkaitan perang. Pesuruhjaya Tinggi British diberi kuasa meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera jika keadaan memerlukan. Kemakmuran ekonomi negeri Melayu dimanipulasi oleh British. Wang hasil bijih timah dan getah digunakan untuk membiayai operasi British dalam Perang Dunia Pertama.

3.3 Perang Dunia Kedua

Buku Teks ms. 58 - 63

8. Lengkapkan ayat berikut tentang faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

TP 2

SP
10.1.3

TUTORIAL



Kemunculan
Ideologi Baharu

(a) Fasisme di Itali

negara	Itali	berperang
Habsyah	Benito Mussolini	memulihkan

- Pada tahun 1922, gerakan fasisme pimpinan Benito Mussolini berjaya menguasai kerajaan Itali.
- Fasisme menekankan kepentingan negara melebihi kepentingan individu dan percaya nasionalisme melampau termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara.
- Bagi memulihkan kemelesetan ekonomi, Itali meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia) dan Albania.



Benito Mussolini

(b) Nazisme di Jerman

Jerman	Adolf Hitler	angkatan tentera
Rhineland	mengagungkan	Perjanjian Versailles

- Pada tahun 1933, gerakan nazisme pimpinan Adolf Hitler berjaya membentuk kerajaan di Jerman. Nazisme mengagungkan bangsa Jerman.
- Adolf Hitler berusaha memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengingkari syarat Perjanjian Versailles.
- Beliau membina semula angkatan tentera dan menduduki Rhineland, wilayahnya yang hilang melalui Perjanjian Versailles.




Adolf Hitler

(c) Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles

Itali	kedaulatan	Perancis
inflasi	tanah jajahan	tidak adil

- Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil dan menjejaskan kedaulatan negaranya.
- Selain kehilangan tanah jajahan, pampasan perang tinggi yang perlu dibayar menyebabkan Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi.
- Itali juga tidak berpuas hati terhadap Perjanjian Versailles kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu seperti yang diperoleh Perancis dan Poland.



Perjanjian Versailles

(d) **Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa**

konflik	pelucutan	pencerobohan
Krisis Habsyah	Liga Bangsa-Bangsa	Perang Dunia Kedua

- (i) Liga Bangsa-Bangsa gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata dan menangani krisis pencerobohan selepas Perang Dunia Pertama.
- (ii) Dunia terdedah kepada konflik yang akhirnya mencetuskan Perang Dunia Kedua.
- (iii) Antara cabaran Liga Bangsa-Bangsa selepas Perang Dunia Pertama ialah Krisis Manchuria, Perjanjian Perlucutan Senjata dan Krisis Habsyah.

9. Lengkapkan ayat berikut dengan pilihan jawapan yang diberi.

TP 2

SP
10.1.3

Poland	<i>Blitzkrieg</i>	Eropah Barat
--------	-------------------	--------------

(a) **Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat**

- (i) Selepas perang diisytiharkan, Jerman memulakan serangan Blitzkrieg (kilat) untuk menakluk negara-negara di Eropah Barat.
- (ii) Jerman menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat menjelang pertengahan tahun 1941.
- (iii) Jerman berjaya menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis.

udara	ekonomi	Jerman	pelabuhan
-------	---------	--------	-----------

(b) **Pengeboman Britain**

- (i) Pada September 1940 hingga Jun 1941, Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain.
- (ii) Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan, kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain.
- (iii) Serangan tersebut telah menjejaskan ekonomi Britain.

Itali	Jerman	perang	selatan	Perancis
-------	--------	--------	---------	----------

(c) **Itali menyertai perang di Eropah**

- (i) Pada Jun 1940, Itali, iaitu sekutu Jerman mengisytiharkan perang ke atas Britain dan Perancis.
- (ii) Itali menyerang Perancis melalui arah selatan, manakala Jerman menyerang Perancis dari arah utara.

Rusia	bandar	Moscow	Barbarossa
-------	--------	--------	------------

(d) Serangan Jerman ke atas Rusia

- Setelah menguasai Eropah Barat, Jerman melancarkan Operasi Barbarossa, iaitu serangan besar-besaran untuk menawan Rusia.
- Hitler ingin menguasai Rusia, iaitu empayar terbesar di Eropah untuk menguasai seluruh Eropah.
- Operasi tersebut mensasarkan bandar utama di Rusia, iaitu Leningrad, Moscow dan Stalingrad.

10. Lakukan aktiviti berikut.

SP

10.1.3

TP 5



AKTIVITI PAK-21

▶ Meja Bulat

- Bahagikan kelas kepada dua kumpulan.
- Satu kumpulan mewakili Perang Dunia Pertama dan satu kumpulan mewakili Perang Dunia Kedua.
- Adakan perbincangan dalam kumpulan dan hasilkan pembentangan.
- Isi perbincangan hendaklah merangkumi negara/kuasa terlibat, faktor tercetusnya perang, kronologi peristiwa, kesan perang dan iktibar daripada perang.
- Seorang ketua akan dipilih untuk membentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.

11. Jawab soalan berikut tentang berakhir Perang Dunia Kedua di Eropah.

SP

10.1.3



MAHIR SPM

TP 4



- Gambar di atas menunjukkan tokoh kuasa besar. Namakan pemimpin kuasa besar tersebut.

Kuasa Besar	Pemimpin
Rusia	<u>Joseph Stalin</u>
Britain	<u>Winston Churchill</u>
Amerika Syarikat	<u>Franklin Roosevelt</u>



- (b) Apakah tujuan ketiga-tiga Presiden tersebut mengadakan pertemuan?

Membuat keputusan politik dan strategi ketenteraan.

- (c) Mengapakah Kuasa Paksi gagal menawan Rusia?

Kesilapan membuat keputusan politik dan ketenteraan. Keberkesanan strategi serangan dan perancangan ketenteraan Kuasa Bersekutu pimpinan Amerika Syarikat.

- (d) Jelaskan punca Jerman menyerah kalah pada tahun 1943.

Ramai tentera Jerman terkorban apabila perang melewati dua musim sejuk di Rusia. Tempoh perang yang panjang menyebabkan tentera Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan sehingga melemahkan semangat tentera Jerman. Jeneral Jerman, Friedrich Von Paulus mengingkari perintah Hitler untuk meneruskan perang dan akhirnya menyerah kalah kepada tentera Rusia pada Januari 1943 di Stalingrad.

- (e) Terangkan operasi kod "D-Day" yang dilancarkan oleh tentera Bersekutu.

Tentera Bersekutu berjaya memperdayakan tentera Jerman dengan menyebarkan maklumat bahawa pendaratan tentera Bersekutu akan berlaku di Calais, bukannya di Normandy, Perancis. Kejayaan operasi "D-Day" membolehkan tentera Bersekutu memasuki Jerman dari arah barat. Pada masa sama, tentera Rusia menyerang Jerman dari bahagian timur. Operasi tersebut berjaya membebaskan Perancis dan negara Eropah Barat daripada penaklukan Jerman.

- (f) Apakah iktibar yang boleh kita ambil daripada kemenangan Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua?

KBAT
Menilai

- (i) Bekerjasama dan bermuafakat dalam menghadapi cabaran.

- (ii) Mengatur strategi yang bijak dan berkesan.



3.4 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik

Buku Teks ms. 64 - 67

12. Berdasarkan huraian berikut, padankan dasar peluasan kuasa Jepun yang betul.

TP 2

SP
10.1.4

(a) Pada tahun 1932, golongan tentera menguasai politik Jepun. Golongan tentera berpendapat masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya dengan bahan mentah dan boleh menjadi kawasan pasaran.

(b) Pada akhir abad ke-19, Jepun muncul sebagai kuasa industri. Jepun memerlukan wilayah yang dapat membekalkan bahan mentah dan menjadi kawasan pasaran hasil perindustrian.

(c) Jepun mewujudkan orde baharu di Asia Timur yang merangkumi Jepun, Korea, China dan Manchuria ke dalam satu blok ekonomi. Orde tersebut kemudiannya diperluas ke seluruh Asia.

Order Baharu Asia

Pengaruh golongan tentera

Keperluan perindustrian

13. Lengkapkan ayat di bawah dengan betul.

TP 3

SP
10.1.4

- (a) Dasar peluasan kuasa Jepun mendapat reaksi Amerika Syarikat, Britain dan Belanda yang mengenakan sekatan ekonomi untuk menghalang Jepun memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk industri dan operasi perang.
- (b) Sebagai jalan keluar daripada sekatan ekonomi Kuasa Bersekutu, Jepun merancang menguasai wilayah di selatan merangkumi Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah seperti bijih timah, getah, bauksit dan minyak.
- (c) Pada tahun 1940, Jepun menandatangani perjanjian Pakatan Tiga Negara dengan Jerman dan Itali yang menjadikan Jepun terikat dengan Kuasa Paksi. Pakatan dalam Kuasa Paksi membolehkan Jerman menghantar pakarnya ke Jepun untuk mengkaji serangan ke atas wilayah selatan dan membantu perkembangan industri pembuatan kapal terbang Jepun.
- (d) Hasrat Jepun membentuk pemerintahan baharu di Asia Pasifik mencapai kemuncak apabila rundingan di Amerika Syarikat untuk menamatkan sekatan ekonomi terhadap Jepun gagal. Kegagalan rundingan tersebut menyebabkan pemerintah tentera Jepun mengeluarkan arahan serangan serentak ke atas Asia Pasifik pada Disember 1941.
- (e) Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour, Hawaii, iaitu pangkalan tentera laut Amerika Syarikat di Pasifik pada 8 Disember 1941. Seterusnya serangan ke atas wilayah jajahan Amerika Syarikat, Britain dan Belanda yang lain seperti Filipina, Hong Kong, Pulau Guam dan Pulau Wake.
- (f) Serangan ke atas Pearl Harbour bertujuan melumpuhkan tentera Amerika Syarikat di Pasifik yang boleh menjadi penghalang peluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik. Serangan tersebut membawa kepada penglibatan Amerika Syarikat dalam perang di Asia Pasifik apabila mengisytiharkan perang ke atas Jepun.
- (g) Melalui strategi yang berkesan dan penguasaan serangan melalui laut, darat dan udara, Jepun berjaya membentuk empayar yang luas di Asia Pasifik menjelang April 1942.



3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

**MAHIR SPM****TP 2**

14. Jawab soalan berikut tentang faktor kedatangan Jepun ke negara kita.

SP

10.2.1 (a) Apakah tujuan Jepun datang ke negara kita?

Memenuhi keperluan ekonomi dan kepentingan strategi ketenteraan.

(b) Nyatakan propaganda yang digunakan oleh Jepun.

"Semangat Asia" dan "Asia untuk Orang Asia".

(c) Mengapakah Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah di negara kita?

Memenuhi keperluan perindustrian kesan Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun.

(d) Jelaskan kepentingan kedudukan strategik negara kita kepada Jepun.

KBAT
Menilai

Terletak pangkalan tentera laut British, iaitu Singapura. Penguasaan tersebut membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera. Penguasaan Pulau Borneo pula memudahkan penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.

TUTORIALPerang Dunia
KeduaFaktor Kedatangan Jepun
ke Negara KitaeP+ **NOTA VISUAL**

15. Lengkapkan ayat berikut tentang serangan Jepun terhadap negara kita.

TP 3**SP**

10.2.1

Miri	Thailand	Kedah	<i>Repulse</i>
Kuching	Sandakan	selatan	jalan darat
15 Februari 1942	Kota Bharu	8 Disember 1941	Pulau Pinang

Serangan Jepun di Tanah Melayu bermula serentak di Pantai Kuala Pak Amat, Pantai Sabak, (a) Kota Bharu dan (b) Thailand (Singgora dan Patani) pada (c) 8 Disember 1941. Tentera Jepun yang mendarat di Thailand memasuki (d) Kedah berpecah kepada dua pasukan untuk mara ke selatan. Satu pasukan ke (e) Pulau Pinang dan meneruskan kemaraan melalui pesisiran pantai barat. Sepasukan lagi melalui (f) jalan darat menuju bandar utama di negeri-negeri pantai barat.



Tentera Jepun mendarat di Kota Bharu, Kelantan mara ke (g) selatan mengikut jalan darat di negeri-negeri pantai timur. Kapal (h) Repulse dan *Prince of Wales* digerakkan untuk menyekat kemaraan Jepun tetapi ditenggelamkan oleh tentera Jepun di perairan Kuantan. Seluruh Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun apabila Singapura berjaya ditawan pada (i) 15 Februari 1942.

Serangan tentera Jepun ke atas Sarawak dan Sabah bermula dengan pendaratan di (j) Miri. Sepasukan tentera Jepun menduduki (k) Kuching dan Sibu. Sepasukan lagi tentera Jepun mara ke Sabah melalui Labuan dan menduduki bandar utama di Sabah. Pendudukan Jepun di (l) Sandakan melengkapkan serangan tentera Jepun di Sabah.

3.6 Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita

- 16.** Berdasarkan kata kunci berikut, huraikan dasar pentadbiran dan ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun di negara kita.

SP
10.2.2



MAHIR SPM

TP 4

(a) Dasar pentadbiran	Kata kunci
Memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu. Singapura dikenali sebagai <i>Syonan-to</i> (Pulau Cahaya Selatan) diasingkan pentadbirannya dari Tanah Melayu yang dikenali sebagai <i>Malai Baru</i> (Melayu Baru). Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran kerajaan Thailand. Sarawak, Sabah dan Brunei digabungkan menjadi satu unit pentadbiran dikenali sebagai <i>Kita Boruneo</i> . Kedudukan Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua hal ehwal agama Islam dan adat Melayu serta diberikan bayaran pencen seperti sebelum perang. Menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda (Koa Kunrenjo) untuk melatih dan menanamkan semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun dalam kalangan penduduk tempatan.	• Pemerintahan Tentera • Syonan-to • Malai Baru • Thailand • Kita Boruneo • Raja-raja Melayu • Pemimpin tempatan • Koa Kunrenjo
(b) Dasar ekonomi	Kata kunci
Pentadbiran tentera Jepun melaksanakan sistem ekonomi kawalan. Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan diperkenal untuk mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan. Rancangan Perindustrian Lima Tahun diperkenal untuk membangunkan industri tempatan dan memastikan penggunaan optimum peralatan dan kemudahan sedia ada. Mata wang Jepun menggantikan mata wang British dan dicetak tanpa kawalan menyebabkan berlaku inflasi kerana banyak wang tetapi kekurangan barangan di pasaran.	• Sistem ekonomi kawalan • Rancangan Pengeluaran Lima Tahun • Rancangan Perindustrian Lima Tahun • Mata wang Jepun • Inflasi

- 17.** Nyatakan dasar sosial yang diperkenalkan oleh Jepun berdasarkan aspek berikut.

SP
10.2.2



MAHIR SPM

TP 4

(a) Pendidikan		
Jepun menutup sekolah Inggeris dan Cina. Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan untuk membentuk semangat persaudaraan sejagat (Hakko Ichiu), mencapai teknologi industri, meningkatkan disiplin dan menerapkan nilai Jepun. Menekankan semangat Jepun (Nippon Seishin), menghormati kebudayaan dan Maharaja Jepun (Tenno Heika). Pengajaran bahasa Jepun (Nippon Go) dijalankan secara meluas.		
(b) Layanan terhadap penduduk		
Orang Melayu	Orang India	Orang Cina
Layanan baik kepada orang Melayu dan peribumi lain untuk mendapatkan sokongan bagi melicinkan pemerintahan.	Membantu orang India menubuhkan Tentera Kebangsaan India di Tanah Melayu dan Borneo Utara di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose.	Layanan kejam kepada orang Cina kesan permusuhan daripada Perang China-Jepun.



3.7 Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun

18. Terangkan secara ringkas gerakan di bawah.

TP 2

SP
10.2.3

(a) **Rejimen Askar Melayu**

Menentang pendaratan tentera Jepun di Kelantan. Leftenan Adnan Saidi bertempur di Bukit Candu, Singapura sehingga kehabisan peluru. Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC menyelamatkan hampir 2000 orang tentera Bersekutu yang terperangkap di kawasan pantai Johor.

(b) **Force 136**

Ditubuhkan pada tahun 1943. Mendapat latihan di India dan Sri Lanka, kemudian dihantar ke Tanah Melayu melalui kapal selam atau diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang. Menjalankan aktiviti rahsia seperti mengumpulkan maklumat, melakukan sabotaj, menyebarkan propaganda dan membuat persiapan untuk British melancarkan Operasi Zipper untuk menawan Tanah Melayu semula pada tahun 1945.

(c) **MPAJA**

Melancarkan perang gerila anti-Jepun. Bekerjasama dengan Force 136. Bekerjasama dengan Parti Kuomintang dan menubuhkan *Overseas Chinese Anti-Japanese Army* (OCAJA) yang dikenali sebagai Tentera Bintang Satu.

19. Berdasarkan sumbangan berikut, namakan tokoh yang betul.

TP 4

SP
10.2.3

Sumbangan	Tokoh
(a) Pemimpin pasukan Melayu Force 136 dan digelar “Harimau Malaya”.	<u>Tengku Mahmood Mahyiddeen</u>
(b) Mengetuai penentangan terhadap pendudukan tentera Jepun di Sabah.	<u>Albert Kwok</u>
(c) Keberanian beliau terbukti dalam pertempuran sengit di Bukit Candu, Singapura.	<u>Leftenan Adnan Saidi</u>
(d) Pemimpin Wataniah Pahang dan mengetuai operasi sekitar Kuala Lipis dan Raub sehingga tengah Temerloh.	<u>Yeop Mahidin Mohamed Shariff</u>
(e) Menggunakan nama samaran Lion of Malaya dan mengedarkan risalah penentangan tentang pendudukan tentera Jepun.	<u>Gurchan Singh</u>
(f) Merupakan wanita dari Tanah Melayu yang menerima anugerah pingat King George atas keberaniannya semasa pendudukan Jepun.	<u>Sybil Kathigasu</u>

3.8

Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun

Buku Teks ms. 80 - 81

20. Jawab soalan berikut dengan tepat dan ringkas.



MAHIR SPM

TP 6

SP

10.2.4 (a) Nyatakan slogan dan konsep yang diperkenalkan oleh Jepun sebagai propaganda meluaskan kuasa di Asia Tenggara.

Slogan Asia untuk Asia dan konsep Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya.

(b) Mengapakah Kesatuan Melayu Muda (KMM) bekerjasama dengan Jepun?

Kesatuan Melayu Muda (KMM) berharap Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

(c) Apakah tujuan Jepun membebaskan ahli KMM yang dipenjarakan oleh British?

Memberikan ruang kepada kegiatan politik KMM kerana memerlukan sokongan masyarakat tempatan.

(d) Senaraikan **tiga** pemimpin KMM yang menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS).

(i) Dr. Burhanuddin al-Helmi

(ii) Ibrahim Haji Yaakob

(iii) Onan Haji Siraj

(e) Bagaimanakah Jepun mengatasi masalah kekurangan pegawai dalam pentadbiran di Sarawak?

Melantik orang Melayu dan Iban sebagai pegawai daerah yang sebelumnya hanya disandang oleh pegawai British.

(f) Pendudukan Jepun menyuntik kesedaran berpolitik di Sabah. Senaraikan **dua** pertubuhan politik di Sabah.

(i) Parti Kebangsaan Melayu Labuan

(ii) Parti Kebangsaan Melayu Tawau

(g) Jelaskan kesan pendudukan Jepun terhadap kesedaran politik masyarakat tempatan.

KBAT
Menganalisis

Memberi keyakinan dan pengalaman dalam pentadbiran dan berjuang menuntut kemerdekaan dan lebih yakin untuk berkerajaan sendiri selepas Perang Dunia.

(h) Pada pendapat anda, apakah iktibar daripada peristiwa pendudukan Jepun di negara kita?

KBAT
Menilai

Kita hendaklah bekerjasama mempertahankan negara, tidak mementingkan diri, berusaha mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat dan sanggup berkorban demi bangsa dan negara.

3.9 Keadaan Negara Kita Selepas Kekalahan Jepun

21. Lengkapkan jadual berikut tentang peristiwa kekalahan tentera Jepun.

TP 3

SP
10.2.5

Tarikh	Peristiwa
(a) 6 Ogos 1954	Bom atom <u>Little Boy</u> digugurkan di bandar <u>Hiroshima</u> .
(b) 8 Ogos 1945	<u>Kabinet</u> Jepun telah bermesyuarat memutuskan untuk meneruskan <u>peperangan</u> .
(c) 9 Ogos 1945	Bom atom <u>Fat man</u> digugurkan di bandar <u>Nagasaki</u> .
(d) 15 Ogos 1945	Maharaja <u>Hirohito</u> mengumumkan <u>Jepun</u> menyerah kalah.

22. Lengkapkan garis masa berikut.

TP 3

SP
10.2.5

2 Sept. 1945

- (a) Penyerahan rasmi oleh pemerintah tentera Jepun kepada Jeneral Douglas MacArthur, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Pasifik.

10 Sept. 1945

- (b) Pemerintah tentera Jepun, Leftenan Jeneral Masao Baba menyerah kalah di Surrender Point, Labuan.

11 Sept. 1945

- (c) Mejar Jeneral Hiyoe Yamamura menyerah kalah di atas kapal tentera laut Australia, HMAS Kapunda di Kuching, Sarawak.

12 Sept. 1945

- (c) Lord Mountbatten menerima pernyataan menyerah kalah tentera Jepun di Singapura.

13 Sept. 1945

- (e) Jeneral Teizo Ishiguro menyerah kalah kepada Leftenan O.L. Roberts di Kuala Lumpur.



23. Lengkapkan petikan berikut tentang penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu.

TP 4

SP
10.2.5

mati	balai polis	bersatu	kesabaran	MPAJA
Parang Panjang	Kiai Salleh	kekosongan	Bintang Tiga	Fi-Sabilillah

Selepas tentera Jepun menyerah kalah, wujud (a) kekosongan kuasa politik kerana kelewatan pendaratan tentera British. Kesempatan digunakan oleh Bintang Tiga Parti Komunis Malaya (PKM) melalui (b) MPAJA untuk mengambil alih penguasaan di Tanah Melayu. Lebih kurang 14 hari Tanah Melayu berada di bawah penguasaan (c) Bintang Tiga. PKM melalui Bintang Tiga telah menguasai bandar, (d) balai polis dan pejabat pentadbiran kerajaan yang ditinggalkan oleh tentera Jepun.

Bintang Tiga menjalankan undang-undang sendiri dan menggunakan mahkamah yang dikendalikan oleh komunis untuk menjatuhkan hukuman (e) mati terhadap sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun, terutama orang Melayu. Tindakan Bintang Tiga menyeksa dan membunuh anggota polis, askar, pegawai daerah dan pasukan sukarelawan Melayu dianggap melampau dan mencabar (f) kesabaran.

Orang Melayu (g) bersatu apabila Bintang Tiga mengancam institusi politik, kekeluargaan dan agama Islam. Gangguan Bintang Tiga dalam urusan keagamaan di surau dan masjid menyebabkan orang Melayu membentuk Gerakan (h) Fi-Sabilillah untuk mempertahankan maruah bangsa, hak dan harta serta kelangsungan hidup orang Melayu. Kepimpinan ulama tempatan memberikan inspirasi kepada masyarakat Melayu berhadapan dengan kezaliman Bintang Tiga. Di Johor, (i) Kiai Salleh mempelopori penentangan terhadap Bintang Tiga dengan menubuhkan pasukan Tentera Selempang Merah. Di Sungai Manik, Perak, Tuan Haji Bakri Haji Mohd Saman menjadi Khalifah (j) Parang Panjang dalam usaha mempertahankan orang Melayu daripada ancaman Bintang Tiga.

24. Nyatakan sumbangan tokoh berikut semasa penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu.

TP 5

SP
10.2.5



(a) **Dato' Onn Jaffar**

Menamatkan kekacauan dan mengembalikan keamanan di Batu Pahat. Beliau mengatur rundingan antara Kiai Salleh dengan ketua Bintang Tiga.



(b) **Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin**

Mengingatkan penduduk Kuala Lipis agar tidak lagi bergaduh antara orang Melayu dengan orang Cina.



(c) **Sultan Abdul Aziz**

Mengadakan lawatan dan pemantauan ke beberapa daerah bagi memastikan tiada berlaku pergaduhan antara Melayu dengan Cina. Mesyuarat dengan penghulu, ketua kampung dan pegawai kerajaan diadakan bagi memastikan kerja pemulihan selepas perang diberikan keutamaan.



Gerakan
Nazisme

Mengagungkan
bangsa Jerman

Kehilangan
tanah jajahan

Pampasan perang
yang tinggi

Meja rundingan
damai

Menghormati
kedaulatan

Tidak mementingkan
diri

Gambar berikut menunjukkan tokoh yang terlibat dalam mencetuskan Perang Dunia Kedua.



1. Jelaskan gerakan yang dipimpin oleh tokoh tersebut.

Pada tahun 1933, gerakan nazisme pimpinan Adolf Hitler berjaya membentuk kerajaan di Jerman. Nazisme mengagungkan bangsa Jerman. Beliau berusaha memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengingkari syarat Perjanjian Versailles. Beliau membina semula angkatan tentera dan menduduki Rhineland, wilayahnya yang hilang melalui Perjanjian Versailles.

2. Mengapakah Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil?

Selain kehilangan tanah jajahan, pampasan perang yang tinggi perlu dibayar menyebabkan Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi.

3. Konflik kuasa-kuasa besar memberi kesan kepada negara lain di dunia. Bagaimanakah pemimpin sesebuah negara mampu mengelakkan diri daripada terlibat dalam konflik antarabangsa?

KBAT
Menganalisis

Menghadapi konflik melalui meja rundingan atau perjanjian damai. Tidak menggunakan ketenteraan untuk mengatasi masalah. Mementingkan keamanan dunia. Menghormati kedaulatan negara lain. Menjaga hak asasi manusia dan menghargai nyawa.

4. Apakah ciri kepimpinan yang mampu mewujudkan keamanan dunia?

KBAT
Menilai

Berwibawa. Bersifat kemanusiaan. Mementingkan rundingan. Bertolak ansur. Rasional. Mengutamakan kerjasama. Tidak mementingkan diri.

MODUL SPM

UJIAN

SKOP

HALAMAN

UJIAN 1

Bab 1 – Bab 2

103 – 107

UJIAN 2

Bab 3 – Bab 4

108 – 112

UJIAN 3

Bab 5 – Bab 6

113 – 117

UJIAN 4

Bab 7 – Bab 8

118 – 122

UJIAN 5

Bab 9 – Bab 10

123 – 126

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Bab 1 – Bab 10

127 – 134

Check out Pelangi Online Test (POT)
for extra practices!



<https://qr.pelangibooks.com/?u=POTSEJARAHT4>
Enrolment key: PNVQV#K3



KERTAS 1

1. Siapakah pemerintah kerajaan Alam Melayu yang boleh dikaitkan dengan Dewa Siva?

BAB 1
Buku Teks
ms. 4

- ☒ A Raja Champa
- ☐ B Raja Srivijaya
- ☐ C Sultan Melaka
- ☐ D Raja Kedah Tua

2. Apakah kepentingan *Kutara Manawa* dalam kerajaan Majapahit?

BAB 1
Buku Teks
ms. 4

- ☐ A Kitab keagamaan
- ☐ B Lambang kebesaran
- ☒ C Sistem perundangan
- ☐ D Buku sejarah kerajaan

3. Antara berikut, yang manakah bukan ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?

BAB 1
Buku Teks
ms. 4

- ☐ A Rakyat
- ☐ B Kerajaan
- ☐ C Kedaulatan
- ☒ D Kemakmuran

4. Apakah kelebihan memiliki wilayah pengaruh yang luas?

BAB 1
Buku Teks
ms. 7

- ☐ A Menjamin keamanan
- ☒ B Menguasai hasil bumi
- ☐ C Mengukuhkan perpaduan
- ☐ D Mengelakkan peperangan

5. Apakah kegunaan cap mohor dalam Kesultanan Melayu Melaka?

BAB 1
Buku Teks
ms. 7

- ☒ A Mengesahkan arahan sultan
- ☐ B Membezakan kedudukan sultan
- ☐ C Mengangkat kewibawaan sultan
- ☐ D Mengukuhkan kedaulatan sultan

6. Bagaimanakah Rokan dan Inderagiri menjadi wilayah taklukan Melaka?

BAB 1
Buku Teks
ms. 7

- ☐ A Melalui perjanjian
- ☒ B Melalui peperangan
- ☐ C Melalui perkahwinan
- ☐ D Melalui hubungan dagang

7. Mengapakah pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mewujudkan sistem Pembesar Berempat?

BAB 1
Buku Teks
ms. 8

- ☒ A Mentadbir kawasan pegangan
- ☐ B Memajukan kegiatan perdagangan
- ☐ C Mengukuhkan hubungan diplomatik
- ☐ D Mengekalkan warisan adat tradisional

8. Apakah kesan jika sistem pemerintahan sesebuah kerajaan tidak sistematik?

BAB 1
Buku Teks
ms. 9

- ☐ A Memupuk perpaduan kaum
- ☒ B Mengancam kestabilan politik
- ☐ C Memajukan kegiatan pertanian
- ☐ D Menarik kemasukan pendatang

9. Apakah kandungan Undang-undang Laut Melaka?

BAB 1
Buku Teks
ms. 11

- ☐ A Membincangkan bidang kuasa pemerintah
- ☐ B Mengandungi hukuman perbuatan jenayah
- ☐ C Menjelaskan peraturan urus niaga di pelabuhan
- ☒ D Menyatakan peranan nakhoda, pelayaran dan cukai

10. Bagaimanakah keselamatan laut pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terjamin?

BAB 1
Buku Teks
ms. 9

- ☐ A Nakhoda menjadi ketua dalam pelayaran
- ☐ B Temenggung menjaga keselamatan pedagang
- ☐ C Bendahara menguasai perdagangan di pelabuhan
- ☒ D Laksamana dilantik sebagai panglima angkatan laut

11. Apakah matlamat gerakan nasionalisme?

BAB 2
Buku Teks
ms. 22

- ☐ A Membentuk negara maju
- ☒ B Membina negara berdaulat
- ☐ C Melahirkan bangsa berilmu
- ☐ D Mewujudkan kesetabilan politik

12. Apakah revolusi di Barat yang boleh dikaitkan dengan nasionalisme antiraja?

BAB 2
Buku Teks
ms. 25

- A Revolusi Rusia
- B Revolusi Jerman
- C Revolusi Amerika
- D Revolusi Perancis**

13. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya Dahagi 1897 di India?

BAB 2
Buku Teks
ms. 26

- A Menentang kuasa asing**
- B Menyokong sistem beraja
- C Menuntut perubahan ekonomi
- D Memperjuangkan hak asasi manusia

14. Apakah keburukan revolusi berbanding rundingan dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan?

BAB 2
Buku Teks
ms. 27

- A Melibatkan kekerasan**
- B Menjejaskan perpaduan
- C Menghakis nasionalisme
- D Menyukarkan penyatuan suara

15. Gambar berikut menunjukkan tokoh nasionalis Burma, Aung San.

BAB 2
Buku Teks
ms. 29



Apakah peranan tokoh tersebut?

- A Memperjuangkan kemerdekaan**
- B Menubuhkan Persatuan Belia Buddha
- C Menyokong sistem pemerintahan beraja
- D Memperkenalkan pemodenan pentadbiran

16. Sejarah kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu berkembang semasa pejuang tempatan menghadapi

BAB 2
Buku Teks
ms. 32

- A rusuhan antara kaum
- B pemberontakan komunis
- C ancaman Siam dan British**
- D penentangan tentera Jepun

17. Kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu sejak awal abad ke-20 dibawa oleh tokoh agama melalui

BAB 2
Buku Teks
ms. 33

- A gerakan Islah**
- B penulisan kreatif
- C persidangan damai
- D penentangan bersenjata

18. Apakah kesan pendidikan moden Islam terhadap masyarakat Melayu?

BAB 2
Buku Teks
ms. 35

- A Menyebarkan idea kemajuan**
- B Memupuk semangat perkauman
- C Membangkitkan perasaan anti-British
- D Menentang secara radikal dan kekerasan

19. Apakah ciri persamaan tokoh nasionalis berikut?

BAB 2
Buku Teks
ms. 37

- Abdul Hadi Hassan
- Harun Aminurrashid

- I Golongan radikal Melayu
- II Menyebarkan fahaman Islah
- III Intelektual berpendidikan Melayu
- IV Guru Maktab Perguruan Sultan Idris
- A I dan II**
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV**

20. Gambar berikut menunjukkan tokoh terkenal di sejarah negara kita, iaitu Ibu Zain.

BAB 2
Buku Teks
ms. 43



Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Kebajikan penduduk luar bandar
- B Perpaduan antara pelbagai kaum
- C Kepentingan pendidikan untuk wanita**
- D Peningkatan taraf hidup orang Melayu



KERTAS 2

BAHAGIAN A

BAB 1
Buku Teks
ms. 4 - 5

1. Pembentukan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu berbeza daripada yang berlaku di Barat. Ciri-ciri negara bangsa berkembang mengikut peredaran masa dan keperluan.

(a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa berikut:

(i) Raja

Raja merupakan tonggak utama kerajaan. Kedudukan raja diperkukuh dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh para pembesar. Raja memperoleh ketaatan daripada rakyatnya.

[2 markah]

(ii) Undang-undang

Menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan dan terpakai di seluruh wilayah pengaruh.

Dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan sesebuah kerajaan.

[2 markah]

(b) Apakah bukti kesetiaan rakyat Srivijaya kepada Raja mereka?

Rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka dengan meminum air sumpah dalam upacara persetiaan di Inskripsi Telaga Batu.

[3 markah]

(c) Mengapakah kita harus mempertahankan warisan negara bangsa?

Memupuk perasaan cinta akan negara yang menjamin kesejahteraan dan keharmonian. Mengekalkan kemajuan dan kemakmuran negara. Mengukuhkan jati diri dan identiti sebagai warganegara Malaysia.

[3 markah]

2. Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka yang tersusun dan sistematik menyebabkan Melaka mampu menjadi empayar terkenal.

BAB 1
Buku Teks
ms. 8 - 9

(a) Terangkan tugas pembesar berikut.

(i) Bendahara

Bendahara menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir dan ketua turus angkatan tentera. Beliau juga akan menasihati sultan dalam pelbagai hal dan menjadi pemangku sultan.

[2 markah]

(ii) Temenggung

Temenggung dilantik untuk menjaga keselamatan kota Melaka.

[1 markah]

(iii) Laksamana

Laksamana dilantik sebagai panglima angkatan laut Melaka.

[1 markah]

- (b) Bagaimanakah pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada peringkat jajahan?

Pembesar dilantik oleh Sultan Melaka dan Pembesar Berempat. Pembesar ditugaskan menguruskan pentadbiran daerah dan kampung. Mereka menjaga dan mengekalkan keamanan kawasan pentadbiran serta dibenarkan mengutip cukai.

[3 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika sistem pemerintahan sesebuah kerajaan tidak sistematik?

Menjejaskan kestabilan politik. Pentadbiran kucar-kacir. Memudahkan campur tangan kuasa asing. Menjejaskan kemakmuran.

[3 markah]

3. Nasionalisme mempunyai pelbagai tafsiran berdasarkan sejarah, corak perjuangan dan karisma pemimpin yang mendukung perjuangan.

BAB
2
Buku Teks
ms.
22 - 23

- (a) Nyatakan maksud nasionalisme berdasarkan pendapat tokoh berikut:

- (i) Dato' Onn Jaafar

Kita hendak menzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu.

[2 markah]

- (ii) Dr. Burhanuddin al-Helmi

Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat, iaitu *National Fronts*. Segala tenaga menentang penjajahan hendaklah digunakan untuk mencapai kemerdekaan dengan tetap berpegang pada tata tertib dan adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam.

[2 markah]

- (b) Apakah matlamat yang diperjuangkan oleh gerakan nasionalisme?

Membina bangsa yang bersatu dan negara berdaulat. Membebaskan bangsa dan negara daripada penjajahan.

[2 markah]

- (c) Cadangkan tindakan yang patut dilakukan oleh generasi muda hari ini untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Mengukuhkan perpaduan. Menganggotai pasukan keselamatan negara. Sanggup berkorban demi negara. Tidak mudah terpengaruh dengan budaya negatif.

[4 markah]



4. Nasionalisme di Asia Tenggara berakar umbi daripada gerakan membebaskan diri daripada penjajahan kuasa Barat seperti yang berlaku di Filipina.

BAB 2
Buku Teks
ms. 28

(a) Senaraikan **dua** nasionalis di Filipina.

(i) Jose Rizal

(ii) Andres Bonifacio

[2 markah]

(b) Apakah isu yang diperjuangkan oleh Liga Filipina?

Mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.

[2 markah]

(c) Jelaskan peranan Katipunan dalam gerakan nasionalisme di Filipina.

Merupakan gerakan revolusioner. Menggunakan akhbar *Kalayan* untuk menyebarkan idea revolusi.

Melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896 untuk menyingkirkan Sepanyol namun gagal.

[3 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah keburukan revolusi berbanding rundingan dalam menuntut kemerdekaan?

Menyebabkan kecederaan dan kematian. Menggunakan kekerasan dan senjata api. Memusnahkan harta benda. Menimbulkan kekacauan dan huru-hara.

[3 markah]

BAHAGIAN B

1. Kesultanan Melayu Melaka menjadi asas kepada pembinaan negara dan bangsa Malaysia.

BAB 1
Buku Teks
ms. 6 - 9

(a) Huraikan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

[8 markah]

(b) Terangkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

[8 markah]

(c) Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

[4 markah]

2. Kemunculan nasionalisme pada abad ke-20 didorong oleh beberapa faktor.

BAB 2
Buku Teks
ms. 34 - 35

(a) Sejauh manakah sistem pendidikan mencetuskan gerakan nasionalisme di negara kita?

[4 markah]

(b) Gerakan nasionalisme di negara kita turut disebabkan pengaruh luar dan serantau. Jelaskan pernyataan tersebut.

[8 markah]

(c) Apakah ciri-ciri ketokohan yang boleh dicontohi daripada tokoh nasionalis untuk kecemerlangan diri, bangsa dan negara?

[8 markah]

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Skor
/100
KERTAS 1
 [40 markah]

Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.

1. Kedaulatan ialah lambang kekuasaan tertinggi bagi seseorang sultan. Apakah kepentingan kedaulatan bagi sultan yang memerintah?

A Menjadi wakil tuhan di bumi
B Memberi identiti kepada kerajaan
C Merupakan hak mutlak memerintah
D Menentukan kawasan pemerintahan

2. Apakah pembesar yang menjalankan tugas berikut?

- Pemangku sultan
- Ketua turus angkatan tentera

A Nakhoda
B Bendahara
C Laksamana
D Temenggung

3. Menurut Fasal 5 dalam Undang-Undang Laut Melaka, apakah hukuman jika seseorang melakukan jenayah di atas kapal?

A Dihukum mati
B Dibuang negeri
C Dikenakan denda
D Didakwa di mahkamah

4. Apakah kepentingan undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka?

A Menjamin keamanan
B Menarik pelabur asing
C Mengukuhkan kuasa sultan
D Mewujudkan perpaduan kaum

5. Apakah pendapat Dato' Onn Jaafar tentang idea nasionalisme?



A Menuntut kembali hak mutlak raja
B Meletakkan kesetiaan terhadap negara
C Menentang penjajah dengan kekerasan
D Mewujudkan bangsa yang kuat dan bersatu

6. Apakah isu yang diperjuangkan dalam Revolusi Perancis 1789?

A Penentangan antiraja
B Perjuangan kemerdekaan
C Pengekalan sistem pemerintahan
D Pembentukan kerajaan demokrasi

7. Senarai berikut merujuk lepasan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

- Raja Chulan Raja Abdullah
- Mohammad Eunus Abdullah


Apakah tuntutan mereka kepada kerajaan British?

A Memperbaik taraf hidup orang Melayu
B Membina lebih banyak sekolah Melayu
C Memperjuangkan kemerdekaan negara
D Memperkukuh kuasa golongan bangsawan

8. Apakah akhbar yang boleh dikaitkan dengan Kesatuan Melayu Muda?

- ☒ A *Majlis*
- ☐ B *Utusan Melayu*
- ☐ C *Fajar Sarawak*
- ☐ D *Warta Malaya*

9. Maklumat berikut berkaitan dengan pakatan ketenteraan di Eropah semasa Perang Dunia Pertama.



Apakah **X**?

- ☐ A Kuasa Paksi
- ☒ B Kuasa Tengah
- ☐ C Pakatan Bertiga
- ☐ D Tentera Bersekutu

10. Mengapakah Jerman tidak berpuas hati dengan syarat Perjanjian Versailles?

- I Kedaulatan terjejas
- II Hilang tanah jajahan
- III Kalah dalam peperangan
- IV Tidak diberikan tanah jajahan
- ☒ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

11. Maklumat berikut berkaitan dengan Operasi Barbarosa yang dilancarkan oleh Jerman.

- Melibatkan 3350 kereta kebal dan 2270 kapal terbang.
- Disertai oleh tentera Finland, Hungary dan Romania.

Apakah matlamat yang hendak dicapai oleh Jerman?

- ☒ A Menawan Rusia
- ☐ B Menakluk Britain
- ☐ C Melancarkan Blitzkrieg
- ☐ D Menyerang Eropah Barat

12. Mengapakah tentera Jepun menggunakan slogan berikut?

- Semangat Asia
- Asia Untuk Orang Asia

- ☐ A Membela negara kita
- ☒ B Menonjolkan imej Jepun
- ☐ C Memajukan masyarakat tempatan
- ☐ D Melaksanakan pentadbiran yang adil

13. Apakah matlamat yang hendak dicapai oleh British melalui pembentukan British Military Administration?

- I Memulihkan kepercayaan rakyat
- II Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- III Memperkenalkan perlembagaan Malayan Union
- IV Membuat persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- ☒ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

14. Gambar berikut menunjukkan Kongres Melayu di Istana Besar Johor pada 11 Mei 1946.



Apakah yang diputuskan dalam kongres tersebut?

- ☒ A Penubuhan UMNO
- ☐ B Pemansuhan Malayan Union
- ☐ C Pembentukan Kesatuan Melayu Muda
- ☐ D Pemulauan upacara pelantikan Gabenor

15. Gambar berikut menunjukkan Rosli Dhoby.



Apakah sumbangan beliau?

- A Mengadakan demonstrasi di Sibu
- B Menganjurkan persidangan di Kuching
- C Mengasaskan Persatuan Melayu Sarawak
- D** Membangkitkan nasionalisme rakyat Sarawak

16. Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat bantahan penduduk tempatan?

- A** Kekurangan kesedaran politik
- B Kelemahan sistem perhubungan
- C Ketiadaan pemimpin berwibawa
- D Kerjasama British dengan pembesar

17. Mengapakah Jawatankuasa Kerja 1946 dibentuk?

- A Melaksanakan Pilihan Raya Umum
- B Menambah baik gagasan Malayan Union
- C** Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- D Membentuk Kabinet Persekutuan Tanah Melayu pertama

18. Senarai berikut berkaitan dengan golongan nasionalis Melayu.

- Aziz Ishak
- Abu Bakar al-Baqir

Apakah ciri persamaan perjuangan mereka?

- A Menuntut diadakan pilihan raya
- B** Menentang British secara terbuka
- C Mempertahankan institusi Raja-raja
- D Memperjuangkan kerakyatan *jus soli*


19. Mengapakah pentadbir British menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengelakkan pemberontakan rakyat
- B Memenuhi desakan Raja-raja Melayu
- C Mengatasi masalah kewangan British
- D** Mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi

20. Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ke atas institusi raja di Tanah Melayu?

- A Raja-raja Melayu hilang kuasa
- B** Majlis Raja-raja Melayu ditubuhkan
- C Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan
- D Jawatan Yang di-Pertuan Agong telah diperkenalkan

21. Gambar berikut menunjukkan tindakan komunis di negara kita.



Mengapakah komunis bertindak sedemikian?

- A Menimbulkan kesusahan
- B Menguasai kemudahan asas
- C Mengisytiharkan perang terhadap British
- D** Menghilangkan keyakinan terhadap British

22. Apakah peranan Special Constables?

- A Membuat rondaan di pinggir bandar
- B** Mengawal ladang getah dan lombong
- C Mengesan kem komunis di dalam hutan
- D Menyamar untuk mendapatkan maklumat

23. Apakah rancangan yang boleh dikaitkan dengan langkah berikut?

- Melonggarkan syarat kewarganegaraan.
- Mewujudkan kawasan hitam dan kawasan putih.

- A** Perang Saraf
- B Rancangan Briggs
- C Tawaran pengampunan
- D Undang-undang Darurat

24. Gambar berikut menunjukkan usaha untuk menamatkan ancaman komunis.



Mengapakah rundingan tersebut gagal mencapai matlamatnya?

- A** PKM enggan bekerjasama dengan kerajaan
- B Pemimpin komunis tidak mahu membubarkan PKM

- C** Penduduk tempatan enggan menerima anggota PKM
D Kerajaan enggan mengakui PKM sebagai parti politik yang sah

- 25.** Apakah kesan darurat dari aspek sosioekonomi?
 I Meningkatkan kos perbelanjaan
 II Merenggangkan hubungan kaum
 III Mengetatkan syarat kewarganegaraan
 IV Mempercepat proses kemerdekaan negara
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

- 26.** Mengapakah parti berikut diharamkan oleh British?

- Dipimpin oleh Ahmad Boestamam.
- Slogan "Merdeka dengan Darah"

- A** Menentang pentadbiran British
B Menjalinkan kerjasama dengan PKM
C Memperkenalkan konsep Melayu Raya
D Memperjuangkan kemerdekaan secara radikal
- 27.** Apakah kepentingan Sistem Ahli ke arah kemerdekaan negara?
A Menjalinkan hubungan baik dengan British
B Mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi
C Mengkaji hubungan kaum secara mendalam
D Melatih penduduk tempatan untuk menerajui pentadbiran

- 28.** Maklumat berikut berkaitan dengan usaha ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

- Sekolah rendah terbahagi kepada sekolah umum dan sekolah jenis umum.
- Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran wajib di semua sekolah.

Usaha tersebut dilaksanakan melalui

- A** Penyata Razak 1956
B Laporan Barnes 1951
C Ordinan Pelajaran 1952
D Laporan Woodhead 1955

- 29.** Apakah parti politik yang boleh dikaitkan dengan Tan Cheng Lock?

- I IMP
 II MCA
 III PKMM
 IV PUTERA
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 30.** Apakah isu yang membawakan kerjasama berikut?

- Persidangan Kebangsaan
- Konvensyen Kebangsaan

- A** Kemerdekaan
B Kewarganegaraan
C Pendidikan kebangsaan
D Institusi Raja-raja Melayu

- 31.** Jadual berikut menunjukkan keputusan Pilihan Raya Umum 1955.

Parti politik	Kerusi yang dimenangi
Perikatan	51
Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	1

Apakah kesan daripada keputusan tersebut?

- A** PAS menentang kerajaan
B Parti politik lain dibubarkan
C Perikatan membentuk kerajaan
D Tanah Melayu diberi kemerdekaan

- 32.** Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu?

- A** Mengurangkan kuasa pentadbiran British
B Membincangkan isu hubungan diplomatik
C Merangka perlembagaan Persekutuan merdeka
D Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi diteruskan

33. Gambar berikut menunjukkan sambutan orang ramai terhadap kepulangan Tunku dan rombongannya dari London.



Apakah kejayaan yang dicapai oleh Tunku dan rombongannya?

- A** Pengharaman PKM
B Pengunduran British
C Perjanjian perdagangan
D Penetapan tarikh kemerdekaan
34. Mengapakah draf perlembagaan yang dihasilkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dikaji dan dipinda?
- A** Menjamin kestabilan negara
B Memperlihatkan identiti negara
C Mengukuhkan kedudukan kerajaan
D Mendapat bantahan rakyat tempatan
35. Senarai berikut menunjukkan jenis kerakyatan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- X
- Permohonan.
- Kuat kuasa undang-undang.

Apakah X?

- A** Lantikan
B Pilihan raya
C Naturalisasi
D Pengiktirafan

36. Lagu Negaraku berasal dari lagu *Terang Bulan*, iaitu lagu negeri

- A** Perak
B Melaka
C Pahang
D Sarawak

37. Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu menyertai Komanwel sebaik sahaja mencapai kemerdekaan?

- A** Mendapatkan bantuan kewangan
B Membuktikan negara telah merdeka
C Mengelakkan serangan kuasa besar
D Merapatkan hubungan sosioekonomi

38. Apakah matlamat penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka?

- A** Memupuk perpaduan kaum
B Melahirkan guru bahasa Melayu
C Mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu
D Menyebarkan tentang dasar-dasar kerajaan

39. Apakah tujuan Rancangan Buku Merah?

- A** Melicinkan pentadbiran
B Meningkatkan ekonomi negara
C Memantau projek pembangunan
D Membangunkan kawasan bandar

40. Apakah kepentingan lambang berikut?



- I Lambang jati diri
 II Simbol perpaduan
 III Bukti kemakmuran
 IV Identiti negara maju

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

KERTAS 2
Bahagian A
[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. Kemunculan kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa bermula sebelum kedatangan Barat.

(a) Apakah ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?

- | | |
|--------------------|------------------------------|
| (i) <u>Raja</u> | (iii) <u>Undang-undang</u> |
| (ii) <u>Rakyat</u> | (iv) <u>Wilayah pengaruh</u> |

[4 markah]

(b) Buktikan kesetiaan rakyat kerajaan Srivijaya kepada pemerintah.

Rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka kepada Raja Srivijaya dengan menjalani upacara persetiaan dan meminum air sumpah. Air akan dituang ke atas Inskripsi Telaga Batu, ditadah dan diminum oleh rakyat untuk menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah.

[3 markah]

(c) Mengapakah kita harus mempertahankan warisan negara bangsa?

Memupuk perasaan cinta akan negara yang menjamin kesejahteraan dan keharmonian. Mengekalkan kemajuan dan kemakmuran negara. Mengukuhkan jati diri dan identiti sebagai warganegara Malaysia.

[3 markah]

2. (a) Senaraikan **tiga** akhbar yang membangkitkan nasionalisme di Tanah Melayu.

Utusan Melayu, Lembaga Melayu dan Warta Malaya

[3 markah]

(b) Apakah isu yang diperjuangkan dalam akhbar dan majalah tersebut?

Isu hak dan masa depan bangsa. Isu pentadbiran, ekonomi dan sosial.

[2 markah]

(c) Nyatakan tokoh yang terlibat dalam perkembangan akhbar Melayu pada abad ke-20.

Mohammad Eunos Abdullah, Muhammad Yusof Ahmad, Dato' Onn Jaafar dan Abdul Rahim Kajai.

[2 markah]

(d) Sejauh manakah karya kreatif mampu memupuk nasionalisme dalam kalangan penduduk Tanah Melayu?

Karya kreatif bertemakan semangat cinta akan negara dan perjuangan membela nasib bangsa seperti terkandung dalam novel Mari Kita Berjuang, karya Abdullah Sidek. Cerpen pula bertemakan semangat pejuang, nasib bangsa dan cinta akan tanah air seperti dalam karya Rumah Besar Tiang Sebatang oleh Abdul Rahim Kajai.

[3 markah]

3. Setelah sekian lama Sarawak diperintah oleh keluarga Brooke, akhirnya pada 8 Februari 1946 Sarawak diserahkan kepada British.

(a) Mengapakah Sarawak diserahkan kepada British?

Masalah pewarisan takhta, desakan kerajaan British dan Masalah kewangan

[3 markah]

(b) Bagaimanakah bentuk penentangan yang dilakukan oleh penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak?

Mengadakan persidangan / Mengadakan demonstrasi, meletakkan jawatan beramai-ramai, mengadakan kempen kesedaran dan menggunakan akhbar / Menulis surat bantahan

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah gerakan antipenyerahan di Sarawak menemui kegagalan?

Tidak mendapat sokongan penuh daripada penduduk tempatan, terdapat penduduk yang menyokong penyerahan, menggunakan kekerasan dan tindakan radikal dan tindakan tegas British terhadap golongan antipenyerahan.

[3 markah]

4. Penentangan terhadap Malayan Union pada tahun 1946 telah berjaya mendesak British untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(a) Mengapakah penentangan tersebut mendapat perhatian British?

Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO berganding bahu menentang Malayan Union. Sokongan pegawai dan pentadbir British. Pegawai tinggi British mendorong British menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Perpaduan orang Melayu menolak Malayan Union.

[2 markah]

(b) Jelaskan **empat** ciri-ciri pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah negeri Selat. Singapura kekal sebagai tanah jajahan British. Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama. Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi.

[4 markah]

(c) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menjadi asas kepada perlembagaan negara kita yang merdeka. Beri hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut.

Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu. Pengiktirafan kedudukan istimewa orang Melayu.

Kerakyatan mengikut konsep jus soli. Pengasingan kuasa kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan.

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan.

5. Setelah menduduki negara kita, Jepun telah memperkenalkan dasar pentadbiran, ekonomi dan sosial.
- (a) Jelaskan dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun di negara kita. [4 markah]
 - (b) Terangkan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun melalui:
 - (i) Force 136 [4 markah]
 - (ii) Rejimen Askar Melayu [4 markah]
 - (c) Berikan cadangan anda untuk menjamin kemerdekaan dan kedaulatan negara terus berkekalan. [8 markah]
6. (a) British mengambil pelbagai tindakan bagi menguatkuasakan Undang-undang Darurat. Berikan penjelasan anda. [6 markah]
- (b) Huraikan tentang Rancangan Briggs. [8 markah]
 - (c) Kesan zaman darurat menyebabkan hubungan antara kaum renggang. Cadangkan cara untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum. [6 markah]
7. Sistem Ahli telah dilaksanakan di negara kita dari bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955.
- (a) Terangkan ciri-ciri Sistem Ahli. [4 markah]
 - (b) Jelaskan kepentingan Sistem Ahli ke arah kemerdekaan negara kita. [8 markah]
 - (c) Andai kata anda terpilih sebagai Ahli Kesihatan semasa pelaksanaan Sistem Ahli. Apakah tindakan anda untuk meningkatkan taraf kesihatan penduduk tempatan? [8 markah]
8. Sejarah pilihan raya di negara kita diadakan bermula dari peringkat majlis perbandaran diikuti peringkat negeri dan seterusnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
- (a) Huraikan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu. [6 markah]
 - (b) Terangkan rundingan yang diadakan sebelum pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan. [6 markah]
 - (c) Pilihan raya penting kepada semua warganegara dalam sistem pemerintahan demokrasi. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [8 markah]
9. (a) Jelaskan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dalam aspek berikut:
- (i) Pengamalan Raja Berperlembagaan [2 markah]
 - (ii) Kedudukan Agama Islam [3 markah]
 - (iii) Kedudukan Bahasa Melayu [3 markah]
 - (b) Huraikan aspek kewarganegaraan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. [6 markah]
 - (c) Sejauh manakah amalan rundingan memberi kesan berbanding mengangkat senjata dalam usaha menuntut kemerdekaan negara? [6 markah]